



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD BIN SAFIEE
PESARA ANGGOTA TENTERA REJIMEN SEMBOYAN DIRAJA**

OLEH:
MOHD NIZAR BIN GHAZALI
2011444668
MOHD LUTFFI BIN ISMAIL
2011633726

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD BIN SAFIEE
PESARA ANGGOTA TENTERA REJIMEN SEMBOYAN DIRAJA**

OLEH:
MOHD NIZAR BIN GHAZALI
2011444668
MOHD LUTFFI BIN ISMAIL
2011633726

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang"

Assalamualaikum. Syukur Alhamdulillah dipanjangkan kehadrat Allah s.w.t kerana memberi kesempatan kepada kami untuk menyiapkan tugasan wawancara bersama tokoh dalam masa yang ditetapkan. Tidak lupa juga kepada Puan Nor Kamariah bt Chik selaku pensyarah IMR 604 Pendokumentasian Sejarah Lisan yang banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat dalam menjayakan tugasan ini. Segala tunjuk ajar, sokongan dan bimbingan beliau akan kami hargai sampai bila-bila.

Jutaan terima kasih juga kami tujuarkan kepada Encik Ahmad bin Safiee selaku tokoh pilihan kami yang sudi bekerjasama dan sanggup meluangkan masa untuk ditemuramah dan berkongsi pengalaman beliau dalam menjayakan projek pendokumentasian ini. Segala jasa baik beliau hanya mampu dibalas oleh Allah s.w.t.

Penghargaan ini juga turut diucapkan kepada ibu dan bapa yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan demi kejayaan kami. Selain itu, tidak lupa juga kepada ahli kumpulan projek pendokumentasian ini yang memberi komitmen yang tinggi dan sanggup bekerja keras sebelum dan sehingga projek ini selesai dengan jayanya. Menyiapkan kerja tanpa mendapat sokongan daripada ahli kumpulan mungkin tidak mendapatkan hasil yang baik.

Kami berharap transkrip wawancara ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik dan generasi yang akan datang dan mampu memberi manfaat kepada mereka. Insyaallah. Akhir sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini sama ada secara langsung atau pun secara tidak langsung. Wassalam.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN


	PAGE NO
Penghargaan.....	i
Abstrak	v
Biodata Tokoh	vii
Pengenalan	ix
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	2-15
Bahagian B: Pengalaman Tokoh Ketika Menjadi Tentera	16-28
Bahagian C: Pengalaman Tokoh Operasi Bersama Rejimen Renjer.....	28-51
Lampiran	
Senarai soalan.....	52-56
Log temuramah.....	57-60
Indeks.....	61- 64
Rujukan.....	65-66
Lampiran.....	67-69

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi wawancara sejarah lisan bersama Encik Ahmad bin Safiee iaitu pesara tentera Rejimen Semboyan Diraja. Di dalam transkrip ini menceritkan tentang latar belakang beliau dan keluarga serta sedikit pengalaman beliau ketika berada di bangku persekolahan sehingga menjadi seorang anggota tentera. Beliau merupakan anak kelahiran negeri Kedah yang dilahirkan pada tahun 1949 di Kepala Batas, Alor Setar, Kedah. Beliau mula berkhidmat tentera pada 03 Januari 1970 selama 23 tahun sebelum berpencen pada tahun 1993. Pengalaman beliau semasa bekerja sebagai seorang anggota tentera juga turut dikisahkan dalam transkrip ini. Selain itu, beliau juga turut menceritakan pengalaman beliau ketika menyertai satu operasi iaitu 'Operasi Kekawasan' bersama Rejimen 1 Renjer di Sungai Katibas, Engkuah pada 21 Januari 1971. Di dalam taruskrip ini juga, beliau turut memberikan harapan kepada generasi muda yang masih mencari-cari pekerjaan supaya menyertai pasukan tentera.

Kata kunci: *Anggota tentera, Rejimen Semboyan Diraja, Operasi Kekawasan, berkhidmat, pengalaman, harapan.*

BIODATA TOKOH



Nama : Ahmad bin Safiee
Asal : Kepala Batas, Alor Setar
TarikhLahir : 25 April 1949
Umur : 64 tahun
Bangsa : Melayu
Pekerjaan : ♦ Pemandu Lori
 ♦ Pesara Tentera (Rejimen Semboyan DiRaja)
Status : Berkahwin
Bilangananak : 4 orang
Namaisteri : Zaharah Binti Nor
Pendidikan : ♦ Special Malay Classes One, Two.
 ♦ Sekolah Menengah Pulau Nyior.
 ♦ Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jenan, Jitra.

PENGENALAN

Rejimen Semboyan DiRaja adalah satu unit bantuan tempur di dalam Tentera Darat Malaysia. Rejimen Semboyan DiRaja bertanggungjawab mengadakan dan mengekalkan saluran-saluran perhubungan untuk markas dan elemen-elemen taktikal Tentera Darat Malaysia. Rejimen Semboyan DiRaja juga dengan bertanggungjawab menguruskan semua aspek perlaksanaan peperangan elektronik dan sistem amaran awal untuk Tentera Darat Malaysia.

Sejarah Rejimen Semboyan Diraja bermula dengan penubuhan satu Terup Perhubungan di Depot Latihan Rejimen Askar Melayu di Port Dickson dalam tahun 1949. Terup Perhubungan ini telah diasaskan dengan mengumpulkan anggota-anggota semboyan (pengendali radio ataupun radioman) yang berkhidmat di dalam Batalion Pertama, Batalion kedua dan Batalion ketiga Rejimen Askar Melayu untuk di dalam Terup Semboyan .

Dengan pengembangan saiz dan pertambahan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Terup Perhubungan, pasukan ini telah dinamakan Skuadron Semboyan Tentera Persekutuan (Federation Signals Squadron). Skuadron ini ditugaskan untuk memenuhi keperluan semboyan semua unit-unit Rejimen Askar Melayu.

Skuadron Semboyan Briged Persekutuan ditubuhkan apabila Briged Infantri Persekutuan ditubuhkan dalam tahun 1952. Dengan pengukuhan, pertambahan peranan dan kepentingannya dalam menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan perhubungan Tentera Persekutuan, pasukan ini kemudiannya ditukarkan nama menjadi Rejimen Semboyan Persekutuan (Federation Signals Regiment). Sehingga kini, tarikh penubuhan Skuadron Semboyan Briged Persekutuan diraikan sebagai hari ulangtahun penubuhan Rejimen Semboyan Diraja.

Rejimen Semboyan diberikan gelaran “Diraja” pada 6 Jun 1992 oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai pengiktirafan perkhidmatan cemerlang yang diberikan oleh Rejimen Semboyan, dan pasukan ini seterusnya dikenali dengan nama Rejimen Semboyan Diraja.

Semua rekrut Rejimen Semboyan Diraja menerima latihan asas ketenteraan mereka di Pusat Latihan Rekrut di Port Dickson. Latihan khusus pasukan Semboyan (special-to-arm training) diberikan di Sekolah Semboyan di Kem Sungai Besi (sebelumnya di Jalan

Padang Tembak, Kuala Lumpur). Sekolah itu adalah sekarang dikenali sebagai Institut Komunikasi dan Elektronik Tentera Darat (IKED).

Rejimen Semboyan DiRaja menyediakan perkhidmatan berikut untuk kemudahan Tentera Darat Malaysia:

1. perkhidmatan komunikasi taktikal.
2. keupayaan mengendalikan peperangan elektronik.
3. Peperangan Informasi dan Maklumat (C4ISR).

Rejimen Semboyan DiRaja juga menyediakan dan menyelenggara semua peralatan komunikasi dan peralatan elektronik Tentera Darat Malaysia.

TRANSKRIP

Penunjuk

MLI – Muhammad Lutfi bin Ismail

AS – Ahmad bin Safiee

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MLI : Assalamualaikum, boleh pak cik ceritakan sedikit latar belakang tentang diri pak cik?

AS : Pak cik dilahirkan di Kepala Batas, Alor Setar pada tahun *sembilan belas empat puluh sembilan* [1949]. Pakcik mempunyai *lima* [5] orang adik-beradik, yang sulung perempuan, pak cik nombor *dua* [2], nombor *tiga* [3] *laki-laki* [lelaki], nombor *empat*[4] *laki-laki* [lelaki], nombor *lima* [5] *laki-laki* [lelaki]. Pak cik menerima pendidikan di sekolah-Sekolah Kebangsaan Kepala Batas, daripada darjah *satu* [1] sampai darjah *empat* [4]. Kemudian mengambil peperiksaan-untuk ke *Special Malay Classes* [Kelas Bahasa Melayu Khas]. Kemudian pak cik lulus dan belajar di Sekolah Sultan Ahmad Tajuddin, Jitra. Daripada *Special Malay One* Bahasa Melayu Khas Satu [1], *Special Malay Two* [2] [Bahasa Melayu Khas Dua] dan pak cik *tiga* [3] tahun. *Lepas tu* [Selepas itu], pak cik melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Pulau Nyior selama *tiga* [3] tahun, kemudian selepas- pak cik melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim

Jenan, Jitra, sampai tingkatan *lima* [5]. Selepas *MCE* [Mandatory Continuing Education] [Pendidikan Wajib]- tahun *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967]. Selepas itu, pak cik bekerja sebagai kerani di Sekolah Rendah Kepala Batas sampai cukup umur *dua puluh satu* [21] tahun, pak cik pun masuk tentera. Pak cik mendapat tahu daripada iklan suratkhabar, untuk temuduga di Sekolah Menengah Sultan Education]. Selepas itu, pak cik bekerja sebagai kerani di sekolah rendah Kepala Batas sampai cukup umur *dua puluh satu* [21] tahun, pak cik pun masuk tentera. Pak cik mendapat tahu daripada iklan suratkhabar, untuk temuduga di Sekolah Menengah Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

MLI : **Pada tahun berapa pak cik dilahirkan?**

AS : *Satu sembilan empat sembilan* [1949].

MLI : **Di mana?**

AS : Di Kepala Batas.

MLI : **Boleh pak cik ceritakan latar belakang tentang ibu bapa pak cik dahulu?**

AS : *Bapak* [Bapa] buat- kerja kampung, bendang, kemudian *tu* [itu], tahun *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] dapat rancangan felda, Tanah Rancangan Felda. Kemudian *tu* [itu]-*bapak* [bapa] sekarang sudah meninggal, ibu masih ada lagi.

- MLI : Oh, ibu masih ada lagi- - - Nama ibu bapa?
- AS : *Bapak* [Bapa] nama Safiee bin Saad. Mak, Mariam Mat Isa.
- MLI : Pak cik menamatkan zaman bujang pak cik pada tahun berapa?
- AS : Tahun- *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972].
- MLI : Ketika itu, *macam mana* [bagaimana] pak cik kenal dengan isteri pak cik?
- AS : Isteri pak cik *ni* [ini] orang Perlis, dia- pak cik kenal dia melalui *pak* [bapa] *sedara* [saudara] pak cik, *pak* [bapa] *sedara* [saudara] pak cik kahwin dengan orang Perlis. Dengan kakak dia, *ha* [ya]- dengan kakak dia. *Lepas tu* /Selepas itu], pak cik kenal dengan isteri pak cik *ni* [ini]- dari situ.
- MLI : *Apa* [Apakah] nama isteri pak cik?
- AS : Zaharah binti Nor.
- MLI : Zaharah binti Nor-*asal* [berasal] dari perlis?
- AS : *Ha* [Ya]- Perlis.
- MLI : *Berapa* [Berapakah] bilangan anak - anak pak cik sekarang?
- AS AHMAD : Anak pak cik sekarang *empat* [4] orang, *dua* [2] lelaki *dua* [2] perempuan. Yang sulung *laki-laki* [lelaki], dah kahwin- yang kedua perempuan, dah kahwin- yang ketiga perempuan, belum kahwin lagi- yang keempat *laki-laki* [lelaki], belum kahwin lagi.

- MLI : **Pak cik sudah mempunyai cucu?**
- AS : Cucu ada *lima* [5] orang.
- MLI : **Cucu *lima* [5] orang- Berapa lelaki dan berapa perempuan (sambil ketawa kecil)?**
- AS : *Laki-laki* [lelaki] tiga, perempuan dua.
- MLI : ***Ok* [Baiklah], boleh *tak* [tidak] pak cik ceritakan tentang kehidupan pak cik sebelum, semasa, dan selepas menjadi tentera? Kehidupan dengan anak-anak *macam mana* [**bagaimana]-ha** [ya], *macam tu* [seperti itu]-_-**
- AS : *Ha* [Ya] sebelum- masa sebelum bekerja lagi?
- MLI : ***Ha* [Ya]- sebelum bekerja.**
- AS : ***Tak* [Tidak] mengapa- Selepas sekolah, kita terus cari kerja, dapat jadi kerani sementara *tu* [itu], kira dapat cari duit poket sendiri, kemudian *tu* [itu] sudah masuk askar *ni* [ini], *kira* [maknanya]- tambah lagi pendapatan *tu* [itu]- selepas itu, *bila* [apabila] *dah* [sudah] kahwin, pak cik pun *lepas* [selepas] kahwin terus hantar *pi* [pergi] ke Sarawak, Kuching, dapat elauan semua, _ _ _ (bunyi kenderaan lalu) *dua* [2] *tiga* [3] orang *ja* [sahaja]- _ selesa, masa *tu* [itu]- kemudian, *bila* [apabila] *balik* [pulang], dapat anak yang pertama, *duduk* [menetap] di Sungai Besi-*Lepas tu* [Selepas itu], selepas *dua* [2] tahun, pak cik minta sekali lagi *dekat* [di]**

Kuching-

- MLI** : **Kuching ya?**
- AS** : *Ha [Ya], di Kuching ni [ini]. Duduk sana tiga [3] tahun, kemudian balik ke Sungai Petani. Kena taruk [letak] di Kuching tu [itu], anak seorang- Kemudian tu [itu], balik Sungai Petani selama berapa tahun?-Enam [6]- (sambil berfikir tahun tersebut), tujuh [7] tahun kot[agaknya] Sungai Petani, tujuh [7] tahun lebih- (beberapa kawan beliau sedang berborak). Kemudian tu [itu], di hantar bekerja di Songkla, Thailand.*
- MLI** : **Oh, pak cik pernah bekerja di luar daripada Malaysia?**
- AS** : *Ha [Ya] luar negara-Songkla- *duk* [duduk] Songkla lima [5] tahun, kemudian *balik* [pulang] tu [itu]- Selepas dua [2] tahun *balik* [pulang] ke Sungai Petani, kemudian bersara. Selepas bersara, pak cik bekerja sebagai auditor [audit] di Syarikat Singer.Pak cik kerja masa tu[itu], pejabat dia buka [bertempat] di Alor Setar- pak cik masuk auditor [audit] tu [itu] melalui kawan juga. Pak cik pergi temuduga, kemudian dia hantar *pi* [pergi] kursus di Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Kemudian *balik* [pulang], ditempatkan di Alor Setar, buka satu *office* [pejabat], pak cik *control* [kawal] utara. *Lagi* [Selain itu]- daripada Taiping sampai Langkawi, __ segala_ kerja semua dia orang *bagi* [beri], minggu ni [ini] duduk sini, minggu ni [ini] duduk sini, minggu ni [ini] sini- (sambil menunjukan gambaran tempat).*

MLI : *Ia [Jadual] memang ditetapkan setiap minggu?*

AS : Setiap minggu dia *bagi* [beri].

MLI : *Satu [Seluruh] Malaysia pak cik duduk? (sambil ketawa kecil)*

AS : *Dak [Tidak]! Satu [Seluruh] utara-*

MLI : *Oh! Satu [Seluruh] utara.*

AS : Daripada Taiping sampai ke Langkawi. Taiping, Grik- Kuala Kangsar, Alor Setar, Sungai Petani, Grik, Baling semua (terdengar perbualan rakan-rakan). Di mana ada kedai Singer, pak cik akan pergi audit. Kemudian *tu* [itu], dia bagi *macam* [seperti] elaun perjalanan, elaun makan, elaun hotel, semua dia bagi- Selepas pak cik kerja selama 11 tahun dengan audit *tu* [itu]- kemudian, *management* [pihak pengurusan] tukar *balik* [semula] *pi* [pergi] ke *PJ* [Petaling Jaya]. Dia tutup Selepas pak cik kerja selama 11 tahun dengan audit *tu*- kemudian, *management* [pihak pengurusan] tukar balik *pi* [pergi] ke *PJ* [Petaling Jaya]. Dia tutup pejabat di Alor Setar, dia kumpul *dekat* [di] Petaling Jaya. Jadi daripada sana, dia hantar *pi* [pergi] Kelantan sebulan, dia hantar *pi* [pergi] Setiawan sebulan, Ipoh sebulan, *lepas tu* [Selepas itu] pak cik pun *tak* [tidak] tahan berulang jauh- jauh, minta berhenti- bila berhenti---

MLI : *Bila pak cik?*

AS : Berhenti tahun 2003.

MLI : **Tahun 2003.**

AS : Balik, selepas *tu* [itu] pak cik *nak* [hendak] *duk* [duduk] sahaja, *nak* [hendak] makan pencen, *sat* [sekejap] lagi penyakit- penyakit datang, *dah* [sudah] tua-tua *ni* [ini]- *dak* [tidak] buat kerja- lama-lama. _ orang biar sebagai_- masa *tu* [itu] dia *manager* [pengurus] bahagian pengeluaran barang *ni* [ini]- minta *dekat* [pada] dia, tanya-*nak* [hendak] pakai lori ke? Kemudian *tu* [itu], dia cakap boleh. Beli lori sebiji, bawa sampai sekarang, *dah* [sudah] *dua belas* [12] tahun.

MLI : **Sekarang pak cik *cuma* [hanya] *duduk* [menetap] dengan isteri pak cik *kat* [di] sini?**

AS : Ya, isteri pak cik. Anak- anak, seorang *duduk* [menetap] di sini, yang sulung *duduk* [menetap] di Aman Jaya, -Aman Lahad, yang nombor *dua* [2] *duduk* [menetap] di Perlis, nombor *tiga* [3] di Penang, nombor *empat* [4] di Kuala Lumpur.

MLI : **Adakah anak pak cik di Kuala Lumpur masih belajar? Ada yang masuk- - -**

AS : *Ha* [Ya]- semua kerja!

MLI : **Oh, semua kerja.**

AS : Anak pak cik di Penang, nombor *tiga* [3]- *graduate* [graduan]

daripada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara], sekarang kerja dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang, ___. Anak nombor *empat* [4] *tu* [itu]- *graduate* [graduan] daripada *UNISEL* [Universiti Selangor], sekarang kerja dengan RHB Bank Jalan Ampang- Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

- MLI** : **Adakah daripada kecil lagi pak cik bercita-cita untuk *join* [menyertai] tentera *ni*[ini]?**
- AS** : Memang daripada kecil lagi pak cik berminat dengan tentera, sebab apa- di Kepala Batas *tu* [itu] ada kem tentera. Jadi *bila* [apabila] kita pergi sekolah, kita nampak *depa* [mereka] pakai *smart* [kemas]- jadi kita bercita-cita juga *nak* [hendak] *jadi* [menjadi] tentera- *dalam* [di] sekolah pak cik pun ramai anak tentera. Bila *depa* [mereka] *mai* [datang] sekolah *depa* [mereka] bawak coklat yang bapa *depa* [mereka] keluar daripada hutankan, _ Dia *bagi* [beri] kita- jadi seronok dapat *benda* [coklat] *tu* [itu].
- MLI** : **Boleh *tak* [tidak] pak cik ceritakan kenangan-kenangan ketika pak cik bersekolah di sekolah rendah? *Macam* [Seperti] pak cik cakap, pak cik nampak tentera-? Kenangan-kenangan yang pak cik ingat- pasal kejadian apa ke?**
- AS** : Masa sekolah rendah- pagi sekolah biasa, jadi petang *tu* [itu] kita adakan kelas Al-Quran- Tajwid apa semua ajar- Jadi tengahari *tu* [itu] *bapak* [bapa] akan datang hantar nasi. Nasi bungkus masa *tu*

[itu], dapat nasi bungkus- nak masuk kelas petang *tu* [itu] pukul dua [2]. Jadi kami akan mandi sungai *dekat* [di] Sekolah Kepala Batas *tu* [itu]- dia ada sungai *tau* [tahu]- *ha* [ya], mandi sungai situ. Mandi sungai- satu hari *tu* [itu], lepas sungai *tu* [itu]- *dekat* [di] tepi-tepi *tu* [itu]- *ha* [ya], *dekat* [di] tepi-tepi yang *tu* [itu], lapangan terbang Kepala Batas. Jadi satu hari, kami *duk* [sedang] mandi-mandi- kapal terbang *nak* [hendak] mendarat, dia rendah *tau* [tahu]- kawan *duk* [berada] atas tebing tu, _ baling kapal terbang dengan ambil *tu* [itu] lumpur kan, lumpur yang keras *tu* [itu], dia ambil, dia baling! Baling kena kapal terbang *tu* [itu], tayar ke apa *tak* [tidak] tahu- *Lepas tu* [Selepas itu], kami belum lagi naik daripada sungai *tu* [itu], polis sudah sampai *kat* [dekat] sekolah! (sambil gelak bersama-sama)- *bila* [apabila] kami naik ke darat, jadi yang cikgu pagi *dah* [sudah] balik - tinggal yang ustaz *tu* [itu]. Ustaz *tu* [itu] cari sapa yang mandi apa semua *ni* [ini]-

MLI : Dia cari pak cik- (sambil ketawa)

AS : *Ha* [Ya], kami mandi - cakap *tak* tidak] tahu *sapa* [siapa] baling apa semua kami *tak* [tidak] tahu. Polis pun *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buat apa, budak-budak- umur berapa tahun masa *tu* [itu] lapan tahun, sembilan tahun *ja* [sahaja].

MLI : Sebelum menjadi tentera pak cik kerja sebagai apa?

AS : Kerani.

MLI : Kerani, oh- berapa lama agak-agak?

AS : Dalam *tiga* [3] tahun macam tu [itu].

MLI : **Tiga tahun**

AS : Pak cik_ tentera genap *dua puluh satu* [21] tahun. Masa *tu* [itu] *dua puluh satu* [21] kira tak boleh- lepas *dua puluh satu* [21] memang *dah* [sudah] *tak* [tidak] boleh jadi tentera. Paling kurang sekarang sampai *dua puluh lima* [25], masa *tu* [itu] sampi *dua puluh satu* [21] *ja* [sahaja], *lapan belas* [18] sampai *dua puluh satu* [21].

MLI : **Boleh jadi tentera?**

AS : Ya.

MLI : **Macam mana? *Lapan belas*[18] sampai *dua puluh satu* [21] boleh jadi tentera?**

AS : Ya. *Lapan belas* [18] sampai *dua puluh satu* [21] boleh jadi tentera. Lebih *dua puluh dua* [22] , *dua puluh tiga* [23] dia tak[
tidak] ambil dah masa *tu* [itu]. Sekarang dia ambil sampai umur *dua puluh lima* [25].

MLI : **Ada *tak* [tidak] inspirasi- sapa-sapa [sesiapa] ke macam seorang yang menjadi idola supaya pak cik menjadi tentera?**

AS : Ada seorang, saya kenal *satu* [seorang]- nama dia Pak Nan, dia *ni* [ini] bekas tentera, bekas *British Army* [Tentera British]. Jadi dia

selalu cakap , “*kalau kau nak [hendak] masuk tentera kau masuk bahagian workshop*”. (sambil bermonolog) Dia kata- workshop bagus, bawa_ boleh, jumpa mekanik- Jadi masa pak cik pergi *interview* [temuramah] *tu* [itu], daripada pagi *tu* [itu] mula-mula *check* [semak] fizikal, tubuh badan apa semua. Kemudian buat ujian, bila buat ujian- lepas ujian *tu* [itu] bahagian pemilihan tentera *tu* [itu] cakap, “*sapa [siapa] yang saya panggil nama, mai[datang] ambil ic [kad pengenalan], balik. Siapa yang saya tak[tidak] panggil nama, tunggu*”.(sambil bermonolog) Jadi tunggu tunggu tunggu, pak cik dia *tak* [tidak] panggil nama pun. Kemudian tunggu lagi. Buat lagi pemilihan, buat ujian lagi, ujian bertulis. Kemudian *tu* [itu] dia cakap macam *tu* [itu] juga, sampai *empat* [4] kali *kot* [agaknya] ujian bertulis, lulus. Bila [Apabila] lulus- dia tulis *kat* [di] papan hitam *tu* [itu], sapa [siapa] yang kelulusan daripada darjah enam- darjah enam, unit dia askar melayu. Rekrut di Port Dickson. Tingkatan satu sampai tingkatan *tiga* [3], unit dia, dia bagi situ *Core* [teras], *Core Unit* [Unit Teras]. Angkut- apa masa *tu* [itu] dia panggil peninjau, *Riki* [meninjau],- sekarang *Armor* [Pertahanan]. *Lepas tu* [Selepas itu] dia kata kerani, *Engineering*[Kejuruteraan]. Rekruit dia di Taiping. Kemudian *tu* [itu] daripada tingkatan *tiga*[3] sampai tingkatan *lima* [5],daripada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] ke GPE apa- unit dia Medical, Semboyan, Kerani. Kemudian *tu* [itu], _ *workshop* [bengkel]. Pak cik *duk* [asyik] ingat Pak Nan *ni* [ini]- selalu suruh *workshop* [bengkel]. Dia cakap pula, Semboyan

rekruit di Kuala Lumpur, yang lain-lain rekruit di Taiping. Jadi pak cik pada masa *tu* [itu] ada kawan baik, baru lepas rekruit polis di Kuala Lumpur. Dia duduk di Pudu, jadi pak cik ambil keputusan masuk Semboyan- sebab *nak* [hendak] rekruit di Kuala Lumpur. Ada kawan sana.

- MLI** : **Kira *nak* [hendak] jumpa dengan kawan pak cik?**
- AS** : Ya- lepas *tu* [itu] pak cik pun, petang *tu* [itu] jugadapat waran tiket. Pak cik pilih Semboyan, _ *signal* [isyarat]. *Royal Signal* [Isyarat Di Raja] masa *tu* [itu].
- MLI** : **Apa nama dia tadi? Royal Signal?**
- AS** : Royal Signal, Pasukan *Royal Signal* [Isyarat Di Raja] masa *tu* [itu]. *La* [Sekarang], orang panggil Semboyan Diraja Malaysia. Kemudian *tu* [itu], dapat waran tiket petang *tu* [itu] juga, esok kena *pi* [pergi] *report* [lapor] di Kuala Lumpur. *Lepas tu* [Selepas itu], naik kereta api daripada Alor Setar, masa *tu* [itu] waran tiket semua naik kereta api. *Lepas tu* [Selepas itu], dari Alor Setar sampai ke Butterworth- sampai ke Bukit Mertajam turun tunggu kereta api daripada Butterworth, naik daripada kereta api Butterworth *tu* [itu] sampai Kuala Lumpur, sampai Kuala Lumpur pagi besok, trak tunggu, trak tugasan *dah* [sudah] tunggu. Jadi dia bawa *pi* [pergi] Jalan Padang Tembak- tempat latihan_ (ambil di ajuk oleh penemuramah). *Lepas tu* [Selepas itu], *ni* [ini] cerita terus ke sampai ke masa kena *ambush* [serang hendap]?

MLI : *Tak [Tidak], ada lagi soalan sebelum itu-*

AS : Oh.

MLI : *Apa, masa tu [itu] ibu bapa pak cik macam benarkan ke memang dia ada sedikit.*

AS : *Bapak [Bapa] memang tak [tidak] kesah nak [hendak] kerja apa pun, masa tu [itu] kerja memang susah. Pak cik keluar daripada Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jenan masa tu [itu], tingkatan lima [5] masa tu [itu], sebelas kelas- tingkatan lima [5], sebelas kelas- Bayangkan kalau satu kelas ada empat puluh [40] orang, sebelas kelas duduk dalam empat ratus empat puluh orang, semua cari kerja! Masa tu [itu] kerja cukup susah. Kalau pi [pergi] interview pak cik biasa pi [pergi] interview, interview kastam- nak [hendak] pakai dua puluh [20] orang, yang pi [pergi] interview tiga ratus [300] lebih, kemudian tanya- pak cik tanya sebelah ni [ini], duduk mana? Dia kata, duduk _ la- bapak [bapa] kerja apa? Kastam- anak kastam, anak imergrasen- banyak, kemudian tu [itu] bila ni [ini], anak kastam, anak imergrasen yang dapat. Kita balik, lepas tu [selepas itu] pak cik pi [pergi] sekali lagi interview, pegawai felda. Interview, interview, interview dapat. Lepas tu [Selepas itu], orang tua tak [tidak] bagi pi [pergi] pulak, dia nak hantar ke Jengka, Pahang.*

MLI : **Felda Jengka.**

- AS : Jengka! Bapak kata, kau tahu *tak* [tidak] *pi* [pergi] sana duduk dalam gajah harimau apa ada! (sambil ketawa bersama-sama). Gaji masa *tu* itu] pegawai felda, *satu ratus ringgit*[RM100], sebulan gaji, memang rumah felda semua dia bagi duduk, tapi gaji *satu ratus ringgit* [RM100] sebulan. Nak *pi* [pergi] jaga orang felda dalam hutan, kau *nak* [hendak] *pi*[pergi]?
- MLI : **Tak nak [tidak mahu].**
- AS : *Ha* [Ya]- dah? (sambil ketawa)
- MLI : **Sepanjang pak cik bekerja, gaji yang paling banyak pak cik pernah dapat?**
- AS Yang paling banyak pak cik dapat- (sambil berfikir sejenak) lapan ratus lebih. (sambil bertanya kepada rakan-rakan). Masa *last* [terakhir] gaji, masa *tu* [itu]*lapan ratus lima puluh ringgit* [RM850] macam *tu* [itu] la- (ketibaan rakan). “*Mana laptop? Laptop? Aku suruh kau bawak laptop (sambil ketawa)- ni[ini] anak Ghafran*”(sambil bermonolog) (sambil tunjuk ke arah Nizar)- (temuramah berhenti seketika)

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENGALAMAN TOKOH KETIKA MENJADI TENTERA

MLI : Sekarang pak cik boleh ceritakan, *macam mana* [bagaimana] pak cik bermula dalam tentera? Pada tahun berapa pak cik mula berkhidmat dalam tentera?

AS Pak cik mula menjalani kursus rekrut, di Jalan Padang Tembak Kuala Lumpur pada *tiga* [3] hari bulan *satu* [1] tahun *tujuh puluh* [70]. Selepas rekrut selama *dua* [2] bulan setengah- kami diberi cuti selama *dua* [2] minggu. *Balik* [Pulang] daripada cuti, terus menghadiri kursus asas- radio, selama lebih kurang *tiga* [3] bulan. Selepas itu, sebelum menunggu di *posting* [tempatkan] ditukar ke unit ke unit, pak cik ditugaskan bekerja di *MINDEF* [Kementerian Pertahanan Malaysia], di Kuala Lumpur, Jalan Padang Tembak. Kemudian itu, dalam masa- sebulan lebih *kot* [agaknya], sebulan lebih pak cik ditukarkan ke Tiga Bridget, Kuching, Sarawak.

MLI : Ini kira awal-awal dulu?

AS : Mula-mula sekali.

MLI : Oh- mula-mula sekali- *ok* [ya].

AS : Kemudian *tu* [itu], sampai *report* [laporan] di kem Tiga Bridget Kuching, *report* [laporan] di situ selama *dua* [2] minggu, di hantar ke Sibu. Jadi- semboyan dia akan hantar *attach* [menyertai]

dengan satu renjer, di Kem Airport Sibu, satu renjer- Kemudian, duduk di situ- dalam masa tiga minggu *kat* [di] airport *tu* [itu], *tu*[itu] yang masuk *pi* [pergi] ke- hantar *pi* [pergi] ke *dalam* [di]- Ulu Katibas.

MLI : **Di mana pak cik menjalani latihan awal ketenteraan?**

AS : Di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

*
MLI : **Kuala Lumpur- Kira pak cik di transfer dari Kuala Lumpur ke Kuching, Sarawak?**

AS : Kuching. Ya.

MLI : **Apa corak latihan asas ketenteraan untuk unit semboyan *ni* [ini]?**

AS : Latihan asas mula-mula tentera (ketibaan isteri Pak Cik Ahmad)- kawat, menembak, semua sekali. *Lepas tu* [Selepas itu], latihan asas untuk unit semboyan *ni* [ini], dia bagi latihan asas radio,- *procedure* [tatacara]- *EMM* [Electrical Market Module] dia panggil, Electrical apa- *EMM* [Electrical Market Module]. Kemudian tu, Batory [Bateri]- semua sekali, semua dalam Bahasa Inggeris masa *tu* [itu], dia ada sembilan mata pelajaran.

MLI : **Oh, dalam tentera pun ada mata pelajaran dia juga?**

AS : Ya- ada, *tu* [itu] matapelajaran tadi- *MOS* [Military Occupational Specialties], [Military Occupational Specialties] yang bunyi “ti tit

ti tit ti tit” *tu* [itu].. (sambil menekan-menekan jari ke telapak tangan). [Military Occupational Specialties] kod diterima, dan-hantar. Dia “did da” A, “da did di did” B, jadi bila kita *nak* [hendak] hantar mesej, *ha* [ya]- kita sebut macam *ni* [ini]. Macam *ni* [ini], (sambil menujuk ke surat khabar bersebelahan) K “da di da”, E “did”, P “di da da did”, kita hantar bunyi *tu* [itu], orang yang belah sana dia tahu “did”, apa dia *nak* [hendak] tulis, “di did” apa dia [hendak] tulis, *ha* [ya]- *tu* [itu] yang dia bagi kursus *tu* [itu].

- MLI : Selalunya, macam dia ayat-ayat panjang atau setakat ayat *alert* [amaran]?
- AS : Panjang- ada mesej, dia panggil Cheat Trap. Cheat Trap tu makna dia kata cerita operasi hari ini, keseluruhan cerita operasi hari ni. Jadi kita *attach* [menyertai] dengan unit satu renjer *ni* [ini], satu renjer buat operasi. Jadi segala apa yang dia buat *tu*[itu], dia *kena* [perlu] memberitahu *dekat* [pada] MINDEF [Kementerian Pertahanan]. Jadi melalui Semboyan, dia akan hantar *mai*[datang]. Dia hantar *mai* [datang], jadi kita kod la- *macam* [seperti] sekarang dia *duk* [tengah] patrol--- kata- Platon A *duk* [berada] di lokasi gred *reference* [rujukan] sekian, sekian, sekian, jadi kita *tak* [tidak] boleh hantar gred *reference* *tu*[itu]*direc*[terus], *empat tiga lima tujuh* [4357]. *Tak* [Tidak] boleh! Kita kena kod benda *tu* [itu], *empat* [4], apa dia benda? Ha- *tu* [itu] yang kita hantar dia panggil Cheat Trap *tu* [itu], dia bagi dia buat *group* [kumpulan].

Satu-satu *group* [kumpulan]- satu *part* [bahagian], - dia ada *part* [bahagian] dia. *Part One* [Bahagia Satu] sampai *Part Four* [Bahagian Empat]. *Part* [Bahagian] *tu* [itu], kurang-kurang dia ada seratus *group* [kumpulan]. Satu *group* [kumpulan] lima angka, lima-huruf. A, X, B,Y, X apa-jadi di sana dia ada *Type Operator* [Pengedali Penaip] pula. Dia ambil benda *tu*[itu] dia akan pecahkan kod tadi *ni* [ini]- *type* [penaip], dia akan pecah, baru *jadi* [menjadi] satu mesej yang lengkap. Jadi kalau pihak musuh dapat *trace* [kesan] *ni* [ini] yang kita hantar *tu* [itu], dia tengok dia *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buat apa, kecuali dia dapat *key* [nombor] dia. Kalau ada bocor *key* [nombor] tu dia pun buat.

MLI : Selalunya latihan untuk trace kod ni,ataupun yang sender dia.

Berapa lama latihan tu? Lama tak [tidak]?

AS : Eh, *tak* [tidak] lama dalam *tiga* [3] ke *empat* [4] bulan.

MLI : Boleh pak cik ceritakan pengalaman pak cik semasa menjalani latihan ni?

AS : Pengalaman- latihan rekruit ke latihan-

MLI : *Tak pe* [Tidak mengapa], boleh yang mana-mana.

AS : Pengalaman *tu* [itu], rekruit *ni* [ini] ada seronok, ada *tak* [tidak] seronok. Yang seronok, kadang-kadang kita tengok ada kawan yang *tak* [tidak] boleh buat. Yang kesian, macam *tu* [itu]- tali yang

cross [lintas], *cross* [lintas] - macam kotak air *tu* [itu], kolam *tu* [itu] kolam. Orang yang *tak* [tidak] biasa- tali *tu* [itu] dia *tak* [tidak] bergerak, dia *pi* [pergi] lompat *nak* [hendak] tangkap tali *tu* [itu], *tak* [tidak] boleh sampai tebing *belah* [sebelah] sana jatuh dalam kolam, (ambil ketawa kecil) tapi kalau *dah* [sudah] biasa- kita *hayun*[menghayun] tali *tu* [itu] dulu, agak tali sampai *kat* [ke] kita, kita tangkap kita lompat, *jadi* [maka] lepas.

- MLI** : **Oh- *Kira* [Maknanya] ada cara dia?**
- AS** : Dia ada dua *intake* [pengambilan]. Satu *intake* [pengambilan] *enam puluh* [60] orang(kedengaran bunyi motor), dua *intake* [pengambilan] *seratus dua puluh* [120] orang. Jurulatih dia masa *tu* [itu] cina ada, benggali ada, india ada, melayu ada- (kedengaran rakan memberitahu maklumat), mat salleh pun ada. Masa *tu* [itu] mat salleh ada lagi, Captain apa *kat* [di] sekolah tu? (ambil bertanya kepada rakan-rakannya) Orang putih *tu* [itu], yang dengan David Teo *tu* [itu]? (ambil ketawa bersama-sama). Masa *tu* [itu] memang ada campuran mat salleh lagi. Sebab kepakaran semboyan *tu* [itu] *depa* [mereka] ada, kita kena ambil lagi.
- MLI** : **Oh, *kira* [bermakna] pak cik belajar daripada *diorang* [mereka] ke *macam mana* [bagaimana]?**
- AS** : Dia macam- kepakaran *depa* [mereka] *tu* [itu] bagi *kat* [pada] *instructor* [pengajar], *instructor* [pengajar] akan ajar kita. *Instructor* [pengajar] *tu* [itu] ada cina, melayu, india- semua ada.

MLI : Ada *tak* [tidak] rakan-rakan pak cik yang gagal , yang pak
cik- - -

AS : Ada.

MLI : **Yang gagal rekrut tu?**

AS : Ada- Gagal masa rekrut *tu* [itu] *tak ada* [tiada], semua boleh *pass* [lulus]. Masa- pemilihan *tu* [itu] untuk *nak* [hendak] kursus *tu* [itu], ada yang gagal.

MLI : Selalunya *diorang* [mereka] bagi denda terus ke *macam mana*[bagaimana]?

AS : *Tak* [Tidak], *bila* [apabila] gagal dia ambil kursus lain pula. *Macam* [Seperti] sekarang mula-mula sekali kita *kena* [perlu] buat ujian, kalau kita *dah* [sudah] bagus dia bagi *technician* [juruteknik], kursus *technician* [juruteknik]. Kemudian kalau kita *tak*[tidak] boleh *pi*[pergi] *technician* [juruteknik], kita *pi* [pergi] radio. Daripada *tak* [tidak] boleh radio, dia akan pergi *driver* [pemandu], *store* [penyimpan], *lineman* [perbarisan],_ ada lagi.

MLI : Maknanya banyak, banyak- - -

AS : Banyak cawangan dia. Dia- organisasi dalam tentera *ni* [ini] serupa juga dengan surveillance, dia ada- *macam* [seperti] tentera dia ada Semboyan, *Surveillance* [pengawal keselamatan] dia ada

Telekom. Tentera ada ANGKUT, Surveillance [pengawal keselamatan] ada JKR. Serupa.

- MLI** : **Pada ketika itu, gaji pak cik?**
- AS** : Mula-mula masuk rekrut gaji *enam puluh ringgit* RM60] sebulan. Dua minggu dia *bagi* [beri] *tiga puluh ringgit* [RM30], makan *free* [percuma] duduk *free* [percuma]. Kemudian selepas kursus, *dah* [sudah] habis rekruit selepas kursus dia *bagi* [beri] gaji *satu ratus sepuluh ringgit* [RM110], pak cik *pi* [pergi] Kuching, gaji *satu ratus sepuluh ringgit* [RM110], elauan *satu ratus dua puluh ringgit* [RM120]. Tapi masa *tu* [itu] barang murah lagi, tambang bas sen-sen *ja* [sahaja], *tak macam* [tidak seperti] sekarang ni. Makan pun mee *seringgit* [RM1] sepinggan, air *lima puluh* [50] sen, tambang bas daripada Batu Tujuh *pi* [pergi] Kuching baru *tiga puluh* [30] sen masa *tu* [itu]. *Tiga puluh lima* [35] sen *kot* [agaknya], (kendengaran rakan memberitahu sesuatu) *ha* [ya], *tiga puluh lima* [35] sen. Beras- beras masa *tu*[itu]- segantang *satu ringgit enam puluh sen* [RM1.60]. Dua kilo lebih, segantang *dua* [2] kilo lebih baru *satu ringgit enam puluh sen* [RM1.60]. *Kira* [Bermakna] pak cik bawa isteri pak cik duduk di Kuching, (kedengaran isteri memanggil suami) sebulan belanja duit barang kering *enam puluh ringgit* [RM60] *ja* [sahaja].

- MLI** : **Sebulan?**
- AS** : Ya- sebulan, *tu* [itu] termasuk nescafe, susu- barang kering, minyak, bawang, *enam puluh ringgit* [RM60] untuk sebulan.

Untuk pasar basah, dalam *tiga* [3] ke *empat ringgit* [RM4]. Kalau nak makan sedap *empat ringgit* [RM4], ikan murah. Ikan senangin di Kuching masa *tu* [itu], ikan senangin satu kaki *satu ringgit lapan puluh sen* [RM1.80]

- MLI** : **Memang murah! (sambil ketawa kecil)**
- AS** : Sekarang *ni* [ini] satu *kilo* [kilogram] tiga puluh ringgit, ikan senangin. (kedengaran kawan bersetuju dengan harga ikan). Ikan tenggiri, *satu ringgit enam puluh sen* [RM1.60], sekarang *tiga puluh lima ringgit* [RM35] lebih. Udang, udang galah *tu* [itu], *fresh* [segar] yang kita *pi* [pergi] di restoran *tu* [itu]. Udang *tu* [itu] *duk* [tengah] hidup lagi, kita pilih, ambek *ni* [ini] *tiga* [3] ekor, masak buat mee Hong Kong, satu pinggan tiga ringgit. Udang tiga ekor dengan mee. (sambil ketawa kerana kawan berkata sesuatu). Udang galah, (sambil berkata kepada isterinya tentang harga masa kini). *Tu* [Itu] kuih ada kuih.(sambil kedengaran isteri mengajak untuk sarapan pagi).(temuramah berhenti seketika)
- MLI** : **Macam mana pak cik rasa diterima untuk menjadi anggota tentera?**
- AS** : Masa *tu* [itu] seronok, benda kita *duk* [tengah] cari kerja, kerja tetap. Dulu asyik kerja sementara *ja* [sahaja], seronok!
- MLI** : **Memang pak cik ada kawan-kawan daripada mula sampai habis tentera?**

- AS : Ada- yang *first squad* [pasukan pertama], enam puluh orang, yang tadi rekrut *tu* [itu]. Yang berhenti separuh jalan pun ramai jugak, tapi ada yang berjaya tapi *dorang* [mereka] berhenti_ masa *tu* [itu], Petronas dengan Exxon tengah cari *operator* [pengendali], operator di pelantar minyak. Jadi masa mereka berhenti *tu* [itu]--- (telefon berdering) (temuramah berhenti seketika)
- MLI : Ada *tak* [tidak] gelaran masa yang diberikan oleh rakan-rakan pak cik di kem tentera?
- AS : Ada, *dorang* [mereka] bagi gelaran Mat Double.
- MLI : Kenapa?
- AS : Sebab pak cik hidup dua kali.
- MLI : Oh, *apa[apakah]* peristiwa yang membolehkan pak cik dapat gelaran itu?
- AS : Peristiwa kena *ambush* [serang hendap] *ni* [ini].
- MLI : Peristiwa kena *ambush* [serang hendap] *sebab* [penyebab] nama *tu* [itu]? Pada pendapat pak cik, *apa* [apakah] cabaran yang pak cik rasa susah semasa penglibatan dalam tentera?
- AS : Kadang-kadang dalam tentera *ni* [ini] banyak latihan. Kami pernah buat latihan dipanggil Gonzalis Pertama. Dia cuma latihan *tapi* [tetapi] orang kata kita kena *ada* [mempunyai] kekuatan fizikal dan mental. Boleh cerita masa mula-mula *start* [permulaan]

buat latihan *tu* [itu], buat di Oran, Perlis. Kami *kena* [perlu] korek *banker* [kubu pertahanan] *tu* [itu], apa kubu *tu* [itu], korek *pakai* [menggunakan] *tu* [itu] yang kita nak masak nasi *tu* [itu], _ orang panggil. Dia *tak*[tidak] bagi pakai cangkul, dia *tak*[tidak] bagi pakai penyodok, dia *tak*[tidak] bagi, pakai_. *Lepas tu*[Selepas itu]- da[sudah] *berapa* [beberapa] hari di Perlis, bertolak pergi ke *nu* [sana], Kota Tinggi Johor. Daripada Perlis *pi* [pergi] Kota Tinggi, Johor *naik* [menaiki] Land Rover dan *tiga tan* [trak]. Dalam perjalanan, ada seorang kawan *tu*[itu], dia nama- dia *ni* [ini] Cina Siam, dia ada penyakit gila babi. Oleh kerana masa konvoi *tu* [itu], *tak* [tidak] berhenti, dia *tak* [tidak] makan, lapar benda *ni* [ini] dia akan *jadi* [menjadi] gila babi. Sampai *kat* [di] Tapah, daripada Perlis sampai Tapah baru berhenti. Bila berhenti *tu* [itu] kami tengok dia berbuih mulut, gila babi *dah* [sudah] *jadi* [menjadi]. *Lepas tu* [Selepas itu], kawan-kawan pangku dia, cari sudu masuk dalam mulut, takut dia *jadi* [terkena] terkancing gigi.

MLI : Semasa perjalanan *tu*[itu] ada- ramai ke macam[seperti]-
AS : Konvoi.

MLI : *Ha* [Ya]- konvoi tu ada apa – apa msalah ke?
AS : Ada, *yang* [apabila]- sampai Kuala Kubu *excident* [kemalangan]. *Tiga tan* [trak] terlanggar *motor* [motorsikal], bukan terlanggar *motor* [motorsikal], *motor* [motorsikal] datang langgar *tiga tan*[trak].

- MLI** : **(Sambil ketawa)**
- AS** : Itu macam, *dah* [sudah] ramai kan- *motor* [motosikal] pak cik macam mana *cross* [melintasi] jalan *mai* [datang] langgar *tiga tan* [trak]. Tapi *tak* [tidak] mati--- meninggal *ka* [ke]? *Tak* [Tidak] meninggal pak cik *tu* [itu]- lepas *bicara* [perbicaraan], *bicara* [perbicaraan] banyak tahun, sampai orang tua *tu* [itu] meninggal *ka* [ke]? (sambil bertanya kepada rakan)
- MLI** : **Bicara?**
- AS** : *Bicara* [Perbicaraan] sekali *tak* [tidak] lepas.
- MLI** : **Kenapa pak cik di hantar ke kem kat Johor *tu* [itu]?**
- AS** : Pernah, daripada *signal man* [pengedali isyarat]- *signal man* [pengedali isyarat] *tu* [itu] berpangkat prebet. Daripada *signal man* [pengedali isyarat] naik Lans. Koperal, naik Koperal, naik Sarjan, dia tiap-tiap kenaikan pangkat *ni* [ini] dia *kena* [perlu] ada kursus, *macam* [seperti] *signal man* [pengedali isyarat] kita kursus *basic* [asas] sahaja, untuk naik ke Lans. Koperal kita *kena* [perlu] *pi* [pergi] kursus Radio *B2* [Broadcast 2]. *Pi* [Pergi] kursus, kemudian *tu* [itu] untuk naik *kat* [ke] Koperal pulak, dia *kena* ada *B1* [Broadcast 1]. *Lepas tu* [Selepas itu], dia *kena* [perlu] ada kursus kawad pula. Naik Sarjan, dia pakai B1 dengan kursus-kursus sampingan lain. Kursus TG dia panggil, *Teleprinter* [Teleprinter], teleprinter- radio, apa *ni* [ini]- *cuma* [hanya] *ja*

[sahaja] tak [tidak] pergi kursus.

- MLI : *Sniper* [Penembak hendap]?
- AS : _ dia tak [tidak] minat, sebab _ ni [ini] dia duk [duduk] dalam bilik sorang-sorang, lagipun dia duduk dekat *ComCen* [Communication Center], dia punya *Communication Center* [Pusat Komunikasi] tu [itu], dia tak [tidak] keluar mana-mana. *Macam* [Seperti] kita ni, suka keluar! *Radio Operator* [Pengendali Radio] ni [ini] dia boleh *pi* [pergi] mana-mana, *macam* [seperti] di Sungai Petani, kita boleh *pi* [pergi] *attach* [menyertai] askar melayu di sini. Kemudian tu [itu], kita boleh buat *REBRO* [Rebroadcast] dekat [di] Gunung Jerai. Dia ada stesen *REBRO* [Rebroadcast] di Gunung Jerai. *REBRO* [Rebroadcast] tu [itu] fungsi dia, dia pakai- frekuensi dia- *VHF* [Very High Frequency]. Jadi bila *Very High Frequency* [Frekuensi yang sangat tinggi], dia tak boleh *direct* [terus]! Dia *kena* [perlu] melalui *REBRO* [Rebroadcast], daripada sini bercakap, *transition* [peralihan] dia masuk ke *REBRO* [Rebroadcast], *REBRO* [Rebroadcast] akan pergi ke satu stesen lagi, dari sini ke sini (sambil menunjukkan jari telunjuk ke arah kawasan pandangannya) dia tak [tidak] boleh *direct* [terus]. Dia *Very High Frequency* [Frekuensi yang Sangat Tinggi]. Jadi pak cik duduk dekat [di] Gunung Jerai tu [itu], jaga *REBRO* [Rebroadcast] tu[itu], bukan ada apa. Cuma [Hanya] jaga bagi *REBRO* [Rebroadcast] tu [itu] berjalan lancar, bateri dia dalam keadaan sempurna.

MLI : Pak cik ingat lagi *tak* [tidak] tahun-tahun pak cik dinaikkan pangkat?

AS : - - - macam *tak* [tidak] berapa tepat, daripada signal man daripada tahun *tujuh puluh* [1970], *tujuh puluh satu* [1971], *tujuh puluh dua* [1972] naik Lans.Koperal, *tujuh puluh tiga* [1973], *tujuh puluh empat* [1974], *tujuh puluh lima* [1975], naik Sarjan, *lepas tu* [selepas itu]- *tujuh puluh tujuh* [1977], eh- *tujuh puluh lima* [1975], naik Koperal, *tujuh puluh tujuh* [1977] naik Sarjan.

MLI : Sarjan pangkat *last*[akhir] pak cik?

AS : *Ha* [Ya]- *last* [akhir].

MLI : Pakcik menamatkan pekerjaan sebagai anggota tentera *ni* [ini] pada tahun berapa?

AS : *Tiga haribulan satu tahun sembilan puluh satu* [3 Januari 1991].

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN OPERASI BERSAMA REJIMEN RENJER

MLI : Boleh tak [tidak] Pakcik cerita kenangan pahit atau kenangan manis sepanjang Pakcik bekerja sebagai tentera ni [ini] yang Pakcik ingat?

AS : Kenangan pahit semasa kena *ambush* [serang hendap]. Yang

manis biasa-biasa la (sambil ketawa). Kenangan manis *ni* [ini] bersama kawan-kawan. Seronok-seronok. Satu lagi, sebagai askar dalam semboyan *ni* [ini], kita rasa *tak* [tidak] tertekan berbanding lain-lain unit. Kita bekerja pun dengan seronok. Kita *nak* [hendak] tukar ke mana-mana pun senang-senang. Sebabnya, unit semboyan *ni* [ini] unit kecil. Kita boleh tukar seorang-seorang. Contohnya daripada Sungai Petani *nak* [hendak] tukar pergi Kuching. Jadi yang Sungai Petani minta siapa yang minta pergi Kuching atau pun orang Kuching yang *nak* [hendak] balik Sungai Petani *Ok* [Baiklah], tukar seorang. Kalau seperti Batalion, pada masa dahulu, sekarang *ni* [ini] lain pula. Dulu susah sikit. Dia *move* [bergerak] mengikut Batalion. Batalion 3 Melayu, daripada Kepala Batas Alor Setar dia tukar pergi ke Sandakan. Satu Batalion dia pergi. Dia *tak* [tidak] pergi seorang-seorang kecuali yang *nak* [hendak] pergi seorang-seorang sekiranya dia ada kelulusan masa *tu* [itu]. Dia ada diploma atau dia ada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *nak* [hendak] minta tukar Kor Kerani ataupun dia *nak* [hendak] minta pergi *medical* [perubatan] atau dan lain-lain. Itu boleh. Kalau sekiranya suka-suka *nak* [hendak] tukar balik kecuali hampir] *nak*[hendak] pencen *dah* [sudah] boleh. Dia *nak* [hendak] datang balik di Briged atau Markas Station atau untuk persiapan *nak*[hendak] bersara baru boleh.

- MLI : Pak Cik ingat lagi peristiwa yang memberi impak dalam kehidupan Pak Cik seperti peristiwa semasa kena *ambush*

[serang hendap]?

AS : Cerita bermula, semasa kena *ambush* [serang hendap], sepetimula-mula tadi, Pakcik ditugaskan *attach* [sertai] bersama *satu* [1] Renjer di Kem Lapangan Terbang Sibu. Berada di Renjer itu lebih kurang *tiga* [3] minggu, kemudian dia punya *CO* [Commander Officer], mereka buat operasi di kawasan Engkuah dipanggil Ulu Katibas. Nama tempat itu Engkuah. Jadi, *move* [bergerak] *satu* [1] Batalion dia itu, pergi ke tengah hutan di Engkuah. Di Engkuah itu, yang boleh pergi dengan jalan sungai sahaja. Sungai dan kapal terbang. Jalan darat *tidak* tidak ada. Kemudian itu, seperti barang-barang, helikopter bawa. Semasa itu, dia pakai Nuri. Contohnya orang *ni* [ini], *move* [bergerak] melalui sungai. Jadi, daripada Sibu naik bot express melalui Sungai Rejang sampai ke Song, dan melalui Tanowit, selepas itu Song. Sampai ke Song, kita akan naik bot panjang, bot kayu. Bukan *Assault Final* [Assault Final Boat] sepertidilihat askar sedang pakai *tu* [itu]. Bukan, itu besi. Ini dia beli bot kayu daripada rumah panjang punya, dia *modified* [ubahsuai], sembur cat hijau, askar pakai. Sebabnya dia pakai bot *tu* [itu], *nak* [hendak] melalui Sungai Katibas *tu* [itu], daripada Song *nak* [hendak] naik ke Engkuah melalui Sungai Katibas, sungai *tu* [itu], dia ada banyak jeram. Apabila kita sampai, di jeram *tu* [itu] cetek. Kena angkat bot. Ramai-ramai angkat bot. Selepas jeram itu, jalan lagi. Bertolak dari Song *nak* [hendak] sampai Ulu Engkuah, lebih kurang *tujuh* [7] jam baru sampai. Kemudian, dalam

perjalanan tu[itu], kita kena *alert* [peka] dan berwaspada selalu. Sebabnyasemasa *[itu]* komunis memang banyak. Alhamdulillah semasapergi *tu[itu]*, *tak* [tidak] ada apa-apa. Selepas berada di Markas Tactital 1 Renjer di Engkuah *tu* [itu], lebih kurang *dua puluh* [20] hari berada di situ. Pada suatu hari *tu* [itu], *dua puluh haribulan satu tahun tujuh puluh satu* [21 Januari 1971], Pakcik ingat lagi, semasa *tu[itu]* Pakcik baru *service*[berkhidmat] dalam tentera *setahun lapan belas hari*[1 tahun 18 hari]. Pakcik masuk *tiga haribulan satu tahun tujuh puluh* [3 Januari 1970]. Kejadian berlaku *dua puluh satu haribulan satu tahun tujuh puluh satu* [21 Januari 1971]. Pada *dua puluh satu haribulan* [21 Januari], lebih kurang dalam *dua* [2] petang, CO dipanggil Commander Officer, CO 1 Renjer *ni[ini]*, nama dia Lt. Kol. Syed Aziz. Sehari sebelum *tu* [itu], dia balik pergi ke Sibu. Dia ada *speed boat* [bot laju] sendiri. Dia ada *special speed boat* [bot laju khas] dengan *driver*[pemandu] dia bersama *escort* [pengiring] dia pergimesyuaratdi Sibu. Kemudian pada *dua puluh satu haribulan*[21 Januari], dia on *set* [set radio tentera], cakap melalui radio setelah dia *detect* [kesan] kami. Dia cakap, tolong beritahu kepada Lt. Anuar, supaya dia pergi beritahu penghulu rumah panjang tiap-tiap rumah panjang *tu* [itu], bahawa pada *dua puluh dua haribulan* [22 Januari] iaitu pada esok hari, *nak*[hendak] adakan mesyuarat di Tac, Markas Tactical. Kemudian kami pun bawa mesej tersebut beri kepada Lt. Anuar. Lt. Anuar pun kumpul orang dia. Kumpul orang dia, kemudian *tu* [itu], operator *tak*

[tidak] ada. Dia kena ada seorang operator bawa *set* [set radio tentera] ikut mereka pergi beritahu tuai rumah panjang *ni* [ini]. Operator yang Renjer punya semua *declare* [diarahkan] masuk hutan. Tinggal seorang sahaja yang bertugas di situ. Dia sahaja siang malam berseorangan. Jadi, *tak* [tidak] mugkin dia nak [hendak] ikut. Kalau dia ikut siapa yang *nak* [hendak] terima mesej daripada platun yang masuk hutan *tu* [itu]. Jadi, kami ada *tiga* [3] orang. Pakcik, seorang *tu* [itu] nama Keith Janson, orang Melaka, seorang *tu* [itu] nama Hayat. Jadi yang junior sekali pak cik. Hayat *ni* [ini] orang lama. Janson pun orang lama. Yang *junior* [muda] Pakcik. “*Mat, take [ambil] set [set radio tentera] pergi ikut Lt. Anuar*” (sambil bermonolog). Kita *tak* [tidak] mungkin *nak* [hendak] bantah, kita *junior* [muda]. Ambil *set* [set radio tentera] semua, *check* [periksa] bateri, pergi ikut Lt. Anuar. Turun di pengkalan, *Tac* [Markas Tactical] *tu* [itu] tepi sungai. Turun di pengkalan *tu* [itu] ada *dua* [2] bot. Jadi, *enam* [6] orang naik *satu* [1] bot diketuai oleh PW II Encik Lengu. Kemudian yang bot Lt. Anuar *ni* [ini] ajak Pak cik naik bot dia. Bot *tu* [itu] bentuk dia (sambil menunjukkan bentuk bot dan kedudukan anggota tentera di dalam bot). Selepas *tu* [itu] bertolak. Bertolak lebih *kurang dua setengah* [2.30 petang]. Bertolak daripada *Tac* [Markas Tactical] turun ikut arus semasa bertolak *tu* [itu]. Rumah panjang dia semua tepi sungai. Sebab jalan mereka cuma sungai sahaja. Mereka semua pakai bot. Jumpa rumah panjang, turun dan beritahu kepada penghulu rumah panjang *tu* [itu]. Esok pukul

sepuluh [10] pagi ada mesyuarat dan kena pergi. (Sambil bermonolog tentang mesej yang disampaikan kepada penghulu rumah panjang). Turun lagi jumpa rumah panjang beritahu dan sampai *last* [akhir] sekali lebih kurang *sepuluh* [10] atau *sebelas* [11] buah rumah panjang. Sudah habis, pusing balik. Pusing balik lebih kurang pukul *empat* [4] lebih. Apabila kita pusing balik, kita melawan arus. Sampai di satu tempat *tu* [itu] bernama Tanjung Babi, lebih kurang pukul *lima* [5] lebih, lebih kurang *lima lima belas* [5.15 petang], bot pakcik di hadapan, bot satu lagi di belakang lebih kurang dalam *dua ratus* [200] meter jarak daripada bot hadapan dan belakang. Sampai di Tanjung Babi yang merupakan anak sungai. Jadi pak cik dari sini. Jadi *tak*[tidak boleh *nak* [hendak] pergi ke tanjung *ni* [ini] sebab arusnya deras. Jadi himpit lah di tebing berhampiran di sini. (Bermonolog sambil menunjukkan kedudukan bot semasa di Tanjung Babi). Kemudian *tu* [itu] apabila lebih tanjung sikit sahaja, terdapat bunyi tembakan. Pak cik fikir mungkin bot belakang tembak pelanduk yang sedang turun minum air sebab petang. Mula-mula bunyi sekali (sambil membuat bunyi tembakan). Selepas *tu* [itu] bunyi (sambil membuat bunyi tembakan yang tidak berhenti-henti). “*Ahh! kena ambush* [serang hendap] *dah* [sudah]”. (sambil bermonolog). Selepas *tu* [itu] Pak Cik pun ambil kedudukan. (sambil menunjukkan kedudukan di dalam bot ketika diserang). Sedang tembak-tembak, tengok komunis lontar bom ke dalam sungai. Tapi *tak* [tidak] meletup. Pak Cik tengok mula-mula sekali

yang hadapan *tu* [itu] kena tembak (sambil menunjukkan tempat terkena tembakan di kepada), dia jatuh. Kemudian, yang hadapan Pak cik pula tiba-tiba jatuh sungai (lakonan bunyi jatuh sungai). Pak cik fikir dia terjun. Fikir ingat *nak* [hendak] terjun. Pak Cik fikir juga kalau kita terjun nanti kita timbul mereka tembak. Habis dua [2]_ _ selepas itu bot belakang pun sampai. Lt. Anuar yang berada sebelah Pak Cik *ni* [ini] bangun dan beritahu 'Charge'. Dia suruh bot 'Charge' tebing. Selepas dia cakap 'Charge', dia kena sini lapan biji peluru bertabur. (sambil menunjukkan tempat terkena tembakan di kepala). Dia kena tembak. Kita *tak* [tidak] tahu berapa biji pada masa itu. Kena tembak, jatuh. Pak Cik pun riba dia. Darah banyak. Duduk ajar mengucap, Pak cik pun letak senjata. Apabila bot belakang dah[sudah]'charge' ke tebing, jadi komunis yang di atas tebing tembak bot yang kedua. Bot Pak cik arus bawa pergi ke belakang. Pak cik riba dia, tengok air *dah* [sudah] masuk dalam bot kesan kena tembak jadi seperti tong ikan . Air bercampur darah. Sebelah timba sebelah_ __. Ajar-ajar mengucap, last [akhir] sekali, dia kata Mat, ambik saya punya *purse* [dompet] *ni* [ini] beri kepada CO dengan_(sambil bermonolog). Jadi Pak cik pun ambil. Pak cik riba dia, ajar mengucap. Selepas *tu* [itu], bot hadapan *tu* [itu] tembak dengan *bendit* [komunis]. Tengok yang hadapan *ni* [ini] *tak* [tidak] ada. Yang kena tembak tangan tadi sedang mengerang sakit. Yang belakang *driver* [pemandu] bot *tu* [itu] kena sini (sambil menunjukkan tempat terkena tembakan di tangan) pun sedang

mengerang di sana. Dia tak[tidak] peduli *dah* [sudah] sambil pegang_. Selepas *tu* [itu], ambil *set* [set radio tentera], *on* [hidupkan], contact[hubungi] ke *Tac* [Markas Tactical] beritahu bahawa kena *ambush* [serang hendap]. Selepas tu [itu] mereka *contact* [hubungi] *CO* [Commander Officer]. Kebetulan semas *tu* [itu] *CO* [Commander Officer] dalam perjalanan balik. Kami *dah* [sudah] hanyut lebih kurang *lima belas* [15] minit, jumpa dia dan bot dia. Pak Cik pun beritahu kami kena *ambush* [serang hendap].(bunyi hon kenderaan). Lt. Anuar *dah* [sudah] pengsan semasa *tu* [itu]. Bot lagi satu sudah tersadai di sana, *tak* [tidak] tahu jadi apa. Selepas *tu* [itu] angkat Lt. Anuar naik atas bot dia. Selepas *tu* [itu] bot Pak Cik pun mereka tunda pergi ke rumah panjang yang terdekat di situ.Bawa naik Lt Anuar pergi ke situ. Semasa *tu* [itu] hampir *nak* [hendak] malam *dah* [sudah]. Selepas kena *ambush* [serang hendap] dalam *lima* [5] minit, hujan lebat. Basah habis. Naik atas rumah *tu* [itu], Iban dan yang lain-lain ambil kuali. Ambil kuali *tu* [itu] masukkan kain ke dalam kuali untuk dipanaskan dan datang lap badan bagi_. Basah kuyub. Lt. Anuar sedang mengerang (sambil buat bunyi). Mereka *contact* [hubungi] *heli* [helikopter] daripada Sibu datang ambil. Malam *tu* [itu] juga datang ambil bawa ke_. Semasa Lt. Anuar sedang mengerang, Pak cik pun mereka lap . Seorang tabib orang Iban *ni* [ini], dia pergi ambil ayam jantan, ayam yang mereka guna untuk bertarung, dia buat cara mereka mungkin untuk buang sial, baca mentera *ni* [ini], keliling kami *dua* [2] orang (sambil buat bunyi

mentera). Cara mereka . Buang sial atau buang apa-apa sahaja, Pak cik *tak* [tidak] tahu. Helikopter datang ambil Lt. Anuar pergi ke Sibu. Pak Cik naik bot lain pula. Bot *tu* [itu] tinggal di situ. Bot yang kena tembak tadi. Naik bot balik tunda balik pergi ke *Tac* [Markas Tactical], Ulu Engkuah. Semasa tunda lampu *tak* [tidak] boleh pasang. Takut ada lagi saki-baki komunis yang akan tembak. Selepas *tu* [itu] jalan-jalan, *perpolar* [perpilar] bot kena kayu. (sambil buat bunyi terkena kayu). Tukar *perpolar* [perpilar] lain pula. Hampir *dua* [2] jam lebih. Sampai di *Tac* [Markas Tactical pukul *satu* [1] pagi daripada tempat kejadian *tu* [itu]. Padahal bukan jauh pun. Apabila sampai sana, hantar *emergency message* [pesanan kecemasan] dipanggil *Oscar* [istilah bahasa komunikasi tentera], *Juru* [istilah bahasa komunikasi tentera] dan lain-lain. Pak Cik dengan *dua* [2] orang lagi yang hantar. Bergilir hantar. *Tak* [Tidak] tidur. Kemudian, semasa Pak Cik *call* [hubungi] tadi, mereka hantar *satu* [1] platon bantuan daripada *Tac* [Markas Tactical] turun pergi. Mereka pergi *search* [cari] tempat yang kena *ambush* [serang hendap] tu [itu]. Dapat mayat komunis seramai *empat* [4] orang. Kemudian, bawa balik malam tu [itu] juga pergi ke Tac. Letak tengah padang. Yang mayat orang kita, bot yang kedua *tu* [itu], *enam* [6] orang semua mati termasuk yang baru *ni* [ini] keluar sebagai penerima anugerah *PGB* [Pingat Gagah Berani], En Lengu anak Chia. Dapat pingat *PGB* [Pingat Gagah Berani] . Semasa *tu* [itu], bukan nak [hendak] kata, sekarang *ni* [ini] baru okey. Pangkat other *rank* [lain-lain]

pangkat], pangkat bawah *ni* [ini] untuk dapat pingat. Semasa tahun *tujuh puluh* [70-an], pegawai semua dapat pingat. Orang bawah tengok, yang kena tembak *tak* [tidak] ada pingat. *CO* [Commander Officer] 1 Renjer Pakcik *tu* [itu], *dah* [sudah] buat *recommmndation* [cadangan] *enam* [6] *copy* [salinan] untuk dapat *PGB* [Pingat Gagah Berani]. Tapi, kami di Kuching kena hantar *recommendation* [cadangan] tersebut di Labuan. *CO* [Commander Officer] kami ada di Labuan. *CO* [Commander Officer] semasa *tu* [itu] *dah* sudah] mati iaitu mendiang Lt. Kol Bajan Singh. Apabila sampai pada dia, dia kena *recommend* [cadang] dan *sign* [tandatangan] hantar pergi ke *Kementerian Pertahanan* [Kementerian Pertahanan Malaysia]. Apabila sampai pada dia, dia kata kita *tak* [tidak] berhak dapat sebab kita unit bantuan. Unit bantuan pun kita masuk operasi. *Tak* [Tidak] dapat. Sampai sekarang *tak* [tidak] dapat. Bila---ni cerita tak[tidak] habis lagi. Apabila balik, kemudian sampai dan hantar mesej semua sekali, esok pula *Special Branch* [Cawangan Khas] pula datang datang *interview* [temuramah] Pak Cik bagaimana kejadian itu berlaku. Cerita seperti *ni* [ini].

MLI : Maknanya, itu peristiwa *last* [akhir] yang Pak Cik paling

ingat?

AS : Ya. Ingat sampai sekarang. Tarikh, jam semua ingat. Orang-orang

pun ingat. Satu lagi, Lt. Anuar dia *dah* [sudah] pencen. Tetapi peluru yang tabur yang kena di kepala lapan biji, hanya tujuh biji

boleh bawa keluar. Sebiji *tak* [tidak] boleh keluar sebab berada di otak. Dia berada di hospital Sibu sehingga perlu ajar berjalan, perlu ajar bercakap semula. Selepas dia dah [sudah] sihat, dia bekerja di *MINDEF* [Kementerian Pertahanan Malaysia]. Dia pencen Mejari. Selepas *tu* [itu] dia kawin dengan orang Kuching, dia pergi jalankan francais Habib Jewel di Kuching. Sekarang *ni* [ini] ada lagi atau *tak* [tidak], *tak* [tidak] tahu. *Lost* [hilang] *contact* [hubungan] *dah* [sudah].

- MLI : Semasa kejadian *tu* [itu] berlaku Pak cik, ada tak[tidak] orang awam yang terlibat dalam kejadian tersebut?
- AS : Suspek semasa *tu* [itu], yang betul-betul pengganas komunis cuma *empat* [4] orang yang mati *tu* [itu]. Sebab mereka_ seperti *tu* [itu], pengganas *empat* [4] orang *tu* [itu] berada di bawah. Selepas *tu* [itu]--- tempat itu seperti hutan sikit, *bushes*[semak-samun]. *Empat* [4] orang komunis ada di situ. Yang dia punya *supporter* [penyokong], mungkin daripada rumah panjang. Sebabnya (bunyi kapal terbang),_ di atas setiap rumah panjang, setiap pokok besar apabila unit bantuan tadi pergi, mereka tengok setiap pokok besar mereka tengok kelongsong peluru senapang kampung. *Anticatal Shotgun* [senapang patah]. Mereka kutip hampir *satu* [1] guni. Selepas *tu* [itu] mereka pergi_ rumah panjang di situ. Pergi ambil senapang kampung dan rampas.
- MLI : Bermakna, Pak Cik jangka mereka ada terlibat juga dalam

kejadian ini?

- AS : Ada terlibat. Sebabnya, pak cik tengok setiap rumah panjang yang ada kawasan *tu* [itu], ada kedai runcit Cina. Cina *tu* [itu] mereka pergi dirikan kedai runcit di situ dan mereka kahwin dengan anak Iban di situ. Jadi Cina *ni* [ini] mungkin supporter[penyokong] untuk Komunis yang bergerak dalam hutan. Sebabnya, setiap pagi orang Iban rumah panjang *ni* [ini], mereka akan pergi buat huma. Tanam padi, tanam jagung, dan lain-lain dalam hutan. Semasa mereka pergi, mungkin mereka beri garam, beras, sardin dan lain-lain. Jadi orang rumah panjang *ni* [ini] jalan pergi dan beri.
- MLI : **Adakah peralatan ketenteraan Pak Cik cukup [ketika] kena ambush[serang hendap] itu?**
- AS : Ya cukup ketika itu cukup. Semasa menaiki perahu bawa semua senjata dan peluru. Pakai pun seluar pendek sahaj. *Tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] pakai seluar panjang sebab sungai. Kalau jatuh sungai (ambil ketawa) memang---. Sungai *tu* [itu] pula, keluasannya lebih kurang (ambil menunjukkan jarak keluasan sungai) *dua ratus* [200] meter ke *dua ratus lima puluh* [250] meter. Maknanya pokok bertemu dahan dan bertemu daun. Kalau pukul *empat* [4] atau pukul *lima* [5] dah [sudah] gelap. Semasa kena *ambush* [serang hendap], sudah senja. Tetapi di sana baru pukul *lima* [5].

- MLI : Bagaimana dengan penempatan sebelum dan selepas kena *ambush* [serang hendap]? Pak Cik tinggal di mana?
- AS : Sebelum kena *ambush* [serang hendap], kami tinggal di *Tac* [Markas Tactical] 1 Renjer di Engkuah. Tinggal situ dan berkomunikasi bersama 1 Renjer. Kami hantar mesej ke *Bridged Tac* [Bridged Tactical] di Tanowit. Jadi, segala maklumat Operasi 1 Renjer *ni* [ini] yang mereka berikepada kami, kami hantar mesej tersebut ke *Tac* [Markas Tactical] 3 Bridged. *Tac* 3 Bridged *ni* [ini] akan kumpul dan hantar ke *MINDEF* [Kementerian Pertahanan Malaysia] untuk pengetahuan Kementerian Pertahanan.
- MLI : Agak-agak Pakcik, Pak Cik tahu *tak* [tidak] apa punca *ambush* [serang hendap]. Kalau punca biasa memang orang *ni* [ini] mereka *nak* [hendak] serang atau pun ada orang beritahu atau bagaimana?
- AS : Komunis *ni* [ini] memang sedang mencari askar. Askar pun sedang cari mereka. Jadi sekarang *ni* [ini], kita lihat siapa dulu. Contohnya, mereka tahu, askar tentu guna sungai *ni* [ini]. Jadi, merek tunggu. Mungkin akan melintasi punya. Mungkin hari *tu* [itu] kalau *CO* [Commander Officer] balik awal, *CO* [Commander Officer] pun kena *ambush* [serang hendap]. Tetapi kami balik awal. Semasa kami turun, mungkin merek *dah* [sudah] tengok. *Tak* [tidak] apa sekejap lagi mesti mereka balik. Tunggu sahaja. (ambil bermonolog). Tapi yang Pak Cik berasib baik, sebab

mereka *tak* [tidak] *ambush* [serang hendap] ke kedua-dua belah sungai. Mereka *ambush* [serang hendap] sebelah sungai sahaja. Kalau mereka *ambush* [serang hendap] kedua-dua belah, memang habis. Pak Cik pun *dah* [sudah] *tak* [tidak] ada hari *ni* [ini] (sambil ketawa). Yang boleh tembak, tembak itik sahaja. Kita *tak* [tidak] nampak mereka. Cuma yang kita tembak, apabila mereka tembak kita, meletupnya dia akan naik asap. Kita nampak asap, sebab *tu* [itu] yang kita tembak. Tembak rambang. Jadi yang mati *empat* [4] orang komunis, siapa yang tembak pun *tak* [tidak] tahu. Keluar asap (sambil bermonolog bunyi tembakan). Jadi kita tembak rambang.

MLI : **Jadi tentera yang kena ambush itu ada yang meninggal dunia?**

AS : Ya. *Enam* [6] orang meninggal dunia.

MLI : **Berapa ramai keseluruhan?**

AS : Bot yang kedua kena ambush[serang hendap] itu, bot pertama (sambil buat kiraan mangsa) *lima* [5] orang. Pakcik, Lt. Anuar, Suntai dia kena tembak di sini (sambil menunjukkan tempat terkena tembakan), Shafie kena tangan, selepas *tu* [itu] yang belakang bawa bot, Pak Cik *tak* [tidak] ingat nama apa. Iban juga (sambil menunjukkan kedudukan anggota tentera dalam bot). Shafie sudah kena tangan, selepas *tu* [itu] Sunta jatuh. Pak Cik fikir dia terjun. *Empat* [4] hari selepas *tu* [itu], jumpa mayat dia

timbul, lubang sini sikit *ja* [sahaja] (sambil menunjukkan keadaan kepala mangsa). Belakang *ni* [ini] habis (menunjukkan kepala) otak semua *tak* [tidak] ada. Biji mata *tak* [tidak] ada. Hidung pun tinggal di dalam sahaja. Telinga pun tinggal cuping sahaja. Habis ikan makan. Kena-kena terus melampung jatuh. Dia kena peluru Mark 4. Peluru dia besar *ni* [ini] (sambil menunjukkan saiz dan panjang peluru). Dia kena terus jatuh. Terpelanting apabila kena. Sebab hampir.

- MLI** : **Senjata yang digunakan antaranya Mark 4?**
- AS** : Ya dia ada Stungun, Mark 4 dengan senapang kampung. Yang banyak dapat *indicator* [petunjuk] *shotgun* [senapang patah].
- MLI** : **Maknanya selepas kejadian itu ada *tak* [tidak] orang-orang Iban tolong pak cik dari segi ubat-ubtan dan pakaian atau *macam mana* [bagaimana]?**
- AS** : *Tak* [tidak] ada. Ubat *tak* [tidak] ada cuma mereka buat macm tadi. Mereka buat seperti mereka punya bomoh, buang sial, selepas *tu* [itu] lap-lap badan kita bagi panas. Yang *tu* [itu] sahaja. Tapi takut juga semasa itu (bunyi kapal terbang). Sebabnya rumah panjang tinggi. Mana tahu komunis datang tembak melalui bawah (sambil ketawa). Selagi *tak* [tidak] balik selagi itu takut masa *tu* [itu].
- MLI** : **Berapa lama pertempuran berlaku?**

AS : Pertempurant embak antara perahu pak cik dengan komunis lebih kurang *lima* [5] minit. Selepas itu bot belakang sampai. Bot belakang *tu* [itu] sampai, mereka tuju ke arah belakang itu pula. Selepas itu, bot pak cik dia bawak arus ke bawah.

MLI : **Selepas sampai di Tac ada tak [tidak] pihak yang menghulurkan bantuan?**

AS : Apabila sampai balik ke Tac , yang pasukan bantuan platun bantuan bawa balik mayat komunis *empat* [4] orang letak di padang, kemudian mayat Renjer *enam* [6] orang simpan dalam bilik setor. Seorang demi seorang. tutup dengan *blanket* [selimut]. Tunggu esok, baru helikopter datang ambil bawa keluar mayat-mayat ke hospital. Beberapa kali angkut semasa itu. Sepuluh [10] orang termasuk sekali dengan komunis.

MLI : **Mayat-mayat komunis pun dibawa juga?**

AS : Bawa juga. Tapi pak cik tengok komunis *tu* [itu] seperti mereka baru sahaja masuk hutan. Mungkin mereka baru sehari dua hari sahaja. Sebabnya, kita boleh kenal pasti, rambut mereka baru gunting, putih lagi, semua Cina. Empat-empat orang Cina. Putih, badan pun gempal, *tak* [tidak] ada kesan pacat. Kita boleh tengok kita tahu. Dia masuk lama atau tidak. Kalau lama, ada kesan pacat, badan pun ada bekas calar-calar. Tahu la masuk hutan, ada duri dan macam-macam. *Ni* [Ini] nampak sangat seperti baru, dua hari atau hari *tu* [itu] juga mereka masuk. Masih bersih lagi muka

(sambil ketawa).

- MLI** : **Selepas kejadian serang hendap, pakcik ada hubungi keluarga?**
- AS** : *Tak* [Tidak] ada. Pak cik tak[tidak] beritahu keluarga sampai balik. Balik pun pak cik *tak* [tidak] beritahu dan cuma pak cik buat kenduri sahaja. Kenduri *tu* [itu] buat seperti kenduri selamat balik daripada Sarawak sahaja. *Tak* [Tidak] cerita sampai sudah. Sampai arwah bapa pun dia dapat cerita dairpada adik sahaja. Sebab adik, *dua* [2] orang askar. *Tapi* [Tetapi] yang penced adik pak cik nombor *dua* [2] tu[itu]unit angkut. Dia penced. Yang bongsu, dia masuk unit armor tetapi dia berhenti. Sekarang dia jadi *bodyguard* [pengawal peribadi] Datuk Mukhriz. Kalau tengok yang botak-botak *tu* [itu], adik pak cik lah tu. Dia *escort* [pengiring] Mukhriz.
- MLI** : **Apakah impak yang memberi kesan kepada pak cik selepas kena ambush[serang hendap]?**
- AS** : Pak cik *tak* [tidak] rasa apa-apa. *Tak* [Tidak] terasa trauma apa-apa. Cuma biasa sahaja.
- MLI** : **Semasa latihan adakah ada simulasi sepertiini?**
- AS** : *Tak* [Tidak] ada.

- MLI** : **Selepas habis menjalani operasi tu [itu], pakcik ada dapat pengiktirafan tak [tidak] daripada- -?**
- AS** : *Tak [Tidak] ada. Pak cik pada masa tu [itu], baru service [berkhidmat] setahun lapan belas [18] hari. Jadi kita tak [tidak] tahu apa yang boleh dapat. Patutnya mereka bagi pak cik cuti sebulan tanpa rekod. Mereka bagi cuti. Cuti untuk bertenang. Satu lagi macam pingat tadi, pakcik memang berhak dapat, pak cik kena bawa ke atas lagi tetapi semasa tu [itu] orang kata kita harap pegawai. Kita orang bawah. Kalau dia tak [tidak] boleh buat kita nak [hendak] buat apa. Semua pasal CO 1 Renjer ni [ini], sebelum dia hantar recommendation [cadangan] tu [itu], dia tunjuk kepada pak cik. "Ni [Ini] enam[6] copy [salinan] aku buat dia kata" (sambil bermonolog). Enam [6] copy [salinan] tu [itu] dia hantar ke Tac tiga [3] Bridged, dia hantar ke satu [1] Division, dia hantar ke CO Semboyan, dia hantar ke MINDEV [Kementerian Pertahanan Malaysia]. Jadi perkara ni [ini], dia tunggu satu [1]. Dia tunggu daripada CO [Comander Officer] unit pak cik, Lt Bajan Singh. Kalau dia cop dan sign [tandatangan] hantar ke MINDEV [Kementerian Pertahanan Malaysia], memang dapat . Tapi dia tak [tidak] hantar. (tokoh menjemut tetamu untuk menjamu selera).*

- MLI** : **Adakah pakcik masih berhubung dengan rakan-rakan sekerja selepas bersara daripada menjadi tentera?**
- AS** : *Alhamdulillah. Kami di Sungai Petani ni [ini], kami tubuhkan Persatuan Bekas Semboyan Diraja. Jadi boleh berkumpul seperti*

ni [ini]. Kemudian bahagian utara *ni* [ini] sampai ke Ipoh, sekiranya ada kenduri panggil kawan-kawan. Di Ipoh sampai ke Perlis. Mereka akan turun bagi yang mana ada kesempatan. Banyak. Baru *ni* [ini] kenduri pun ramai yang datang. Daripada Taiping, daripada Ipoh, daripada Kangar. Orang kata, persahabatn *tu* [itu] *tak* [tidak] ada yang putus lagi kecuali yang meninggal. (ambil ketawa).

- MLI : **Apa peranan persatuan ni?**
- AS : Peranannya banyak. Untuk kebajikan antara anggota, kebajikan balu-balu, anak-anak. Kalau anak pesara yang cemerlang dalam UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] atau PMR [Penilaian Menengah Rendah] atau masuk *U* [universiti] atau semua mereka beri. Macam bantuan kita boleh *forward* [majukan] ke veteran lagi, kita boleh minta, kepada kita punya persatuan di Kuala Lumpur kalau ada masalah. Contohnya ada pesara yang memerlukan rawatan. Contohnya ada seorang hari *tu* [itu] di Merbok. Ismail Bugis orang panggil. Dia memerlukan rawatan dengan IJN [Institut Jantung Negara]. Kosnya berapa belas ribu? (tokoh menanyakan soalan kepada rakannya). *Lapan belas* [18] ribu. Jadi, dia *nak* [hendak] dahulukan dulu duit memang boleh *claim* [tebus]. Tapi dia *nak* [hendak] dahulukan duit dia dulu *tak* [tidak] ada. IJN [Institut Jantung Negara] mereka mahu duit masuk dahulu baru mereka buat. Jadi, kalau *nak* [hendak] *claim* [tebus] kepada veteran, tunggu selepas buat baru boleh *claim*

[claim]. Jadi, dengan kerjasama persatuan kita masa *tu* [itu], Encik Halib dia jadi setiausaha contact dengan *channel* [saluran] kita di Kuala Lumpur berbincang dengan veteran Kuala Lumpur dapat didahului *lapan belas* [18] ribu, dia boleh buat. Kalau kita tak[tidak] ada pertubuhan seperti *ni* [ini], *nak* [hendak] cari punca dari mana.

MLI : **Adakah pakcik rasa semangat ketenteraan tu masih terpahat dalam diri?**

AS : Memang masih terpahat dalam diri pak cik. Pakcik pun banyak jumpa budak-budak seperti lepasan *SPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] yang bekerja tak[tidak]menentu, pakcik nasihat merekamasuk tentera. Sekarang rekrut sahaja *seribu* [1000] sebulan. Lans Koperal sekarang dua *ribu* [2000] lebih. Selepas *tu* [itu] ada macam-macam. Ada diploma atauada apa-apa dia boleh minta . Kalau ada ijazah *nak* [hendak] masuk pegawai. Tapi start [bermula] tahun depan mungkin *tak* [tidak] ambil *dah* [sudah] daripada lain universiti, dia ambil daripada universiti pertahanan. [Universiti Pertahanan Malaysia]

MLI : **Ini satu soalan tentang pencerohan di Lahad Datu. apa yg pakcik boleh katakan tentang peristiwa pencerohan tu?**

AS : Peristiwa pencerohan di Lahad Datu *tu* [itu], meraka *ni* [ini] sebenarnya, ada orang dairpada kita, orang dairpada Malaysia, pergi beri jalan kepada---. Mungkin keturunan orang Sulu. Jadi

seperti sekarang *ni* [ini], (bunyi deringan telefon bimbit) jadi orang daripada orang Sulu *ni* [ini] pergi buka lubang kepada mereka. "*Kamu semua kena tuntut, hak kamu semua*" [sambil bermonolog]. Jadi mereka pun buat. Tetapi cara mereka *tu* [itu] *tak* [tidak] kena. Orang Sulu mereka fikir, di Sabah, orang Sulu *saja* [sahaja] lebih kurang tujuh puluh [70] peratus. Kaum Sulu *ni* [ini], mereka fikir kaum *ni* [ini] *nak* [hendak] tolong mereka semula. *Nak* [Hendak] bantu mereka. Tetapi mereka yang tinggal di Sabah sudah senang, mereka *nak* [hendak] kalut apa macam *ni* [ini] mereka kata. Mereka salah anggap. *Tu* [Itu] yang mereka datang di perkampungan, kampung apa *tu* [itu]---Sulu semua. Di sana pun lari *tak* [tidak] mahu bantu mereka. Buat perkara *tak* [tidak] kena tempat. (sambil ketawa dan suara rakan tokoh memberi sedikit keterangan)

- MLI : **Bagaimana dengan jenayah yang semakin senang- - - seperti kes tembak-menembak sekarang. Apa pendapat pak cik sebagai seorang bekas tentera?**
- AS : Kita terus terang cakap tentang penguatkuasaan kita lemah. Sebabnya, benda pistol senjata api, dadah apa semua, dia selalunya masuk melalui sempadan. Masuk dari luar. Macam pistol bukan dari sini yang buat. Sebabnya benda *tu* [itu] senang ada orang sini boleh dapat iaitu penguatkuasaan kita. Cuba pergiduduk sehari di Bukit Kayu Hitam dengan Padang Besar pergi tengok sempadan. Kemasukan kereta, orang, apa semua kita

tengok *tak* [tidak] ketat seperti Singapura. *Singapore* [Singapura], Tambak Johor *tu* [itu], *nak* [hendak] masuk *Singapore* [Singapura], bagaimana mereka punya kawalan. Kita di sini, polis Siam, askar Siam, bebas masuk pakai uniform. Kita jumpa dalam Padang Besar, Bukit Kayu Hitam. Bebas masuk, keluar dan masuk. Yang kita pun macam *tu* [itu] juga. kastam kita, imegrser kita, polis kita, bebas. Jadi, kalau *dah* [sudah] bebas seperti *tu* [itu], susah *nak* [hendak] *control* [kawal]. Contohnya orang kata, tidak kisah. Padahal *tak* [tidak] dibenarkan kalau pakai uniform masuk dalam *negeri* [negara] lain. Pak cik bekerja di Songkla dahulu, pekerjaan pak cik bukan askar. Masuk di *situ* [sana] "Santiban Malay". Maknanya mata-mata gelap Malaysia bekerja di sana. Bukan Malaysia Army. Malaysia Army *tak* [tidak] boleh masuk. Pertama senjata api penguatkuasaan kita lemah, yang kedua, pendatang asing penguatkuasaan kita lemah. Tengok seperti di Kuala Lumpur, pergi di Puchong, pergi di Setapak, kita tengok Negro sampai naik takut. *Tu* [Itu] anak pak cik sewa di sana, dia sewa dekat Puchong Perdana, dia kata naik takut. Mereka *empat* [4], *lima* [5] tengok kita saperti *nak* [hendak] makan. Sekarang dia sewa di Ampang.

- MLI : **Pada pendapat pakecik, kenapa kaum Cina dan India kurang berminat dalam bidang ketenteraan?**
- AS : Ini Cina, India masa zaman pak cik banyak. Tetapi Cina India *ni* [ini] mereka masuk unit kecil. Unit Semboyan, Workshop,

Angkut, Engineering, Armor *dan apa semua* [macam-macam].

Selepas pak cik ingat dalam tahun *lapan puluh* [80-an], memang kurang. Sebabnya mungkin pertama mereka tengok gaji, yang kedua mereka tengok disiplin. Jadi gaji rendah, disiplin ketat. Jadi mereka kurang minat. Mereka *ni* [ini] jenis mahu *business* [perniagaan]. Yang masuk pun cina-cina kampung punya yang masuk askar *ni* [ini]. Kalau cina pekan *ni* [ini] jarang nampak. *Tak* [Tidak] ada. Sekarang *ni* [ini] kalau mereka masuk pun pegawai. Askar mahupun polis. Other rank mereka *tak* [tidak] masuk.

MLI : Apakah saranan pak cik kepada generasi muda supaya berminat untuk menyertai tentera?

AS : Saranan seperti *tu* [itu], kalau *nak* [hendak] bekerja yang agresif sikit tentera. Kalau kerja seperti *surveillance* [pengawasan] *ni*[ini], kurang bagaimana. Contohnya dari segi gerakan apa semua. Tentera *ni* [ini], walaupun bekerja *dua puluh* [20] tahun *dah* [sudah] dia masih lagi apa orang kata- - - ada *PT* [senaman pagi]ada kawad, ada apa semua. Pagi-pagi pukul *enam setengah* [6.30 pagi] ada *PT* [senaman pagi]. Lari pagi. Selepas *tu* [itu] pukul *sembilan* [9] masuk kerja. Petang ada lagi sukan. Tetapi seperti kerja *surveillance* [pengawasan], kerani apa semua, pagi pergi kerja keluar pergi minum teh, sembang-sembang masuk kerja, balik petang tidur. Pak cik sekarang *ni* [ini] umur *enam puluh empat* [64] tahun. Pak cik masih boleh lagi memandu lori, pergi balik pergi balik pergi balik. Angkut barang apa semua

tetapi kalau banding dengan orang pencen kerja *surveillance* [pengawasan] umur enam puluh *empat* [64] tahun, kami ingat banyak yang sudah tidak bermaya.(ambil ketawa)

- MLI : Kalau macam *tu* [itu] pak cik terima kasih. Alhamdulillah selesai sudah wawancara kita apada hari ini. Saya Muhammad Lutfi dan Mohd Nizar mengucapkan jutaan terima kasih kepada pak cik kerana sudi bekerjasama dengan kami dalam menyiapkan tugas *ni* [ini]. Terima kasih dan Assalamualaikum.

- AS : Waalaikumussalam.

TAMAT BAHAGIAN C

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

1. Assalamualaikum, boleh pak cik ceritakan sedikit latar belakang tentang diri pak cik?
2. Pada tahun berapa pak cik dilahirkan?
3. Boleh pak cik ceritakan latar belakang tentang ibu bapa pak cik dahulu?
4. Oh, ibu masih ada lagi. Nama ibu bapa?
5. Pak cik menamatkan zaman bujang pak cik pada tahun berapa?
6. Ketika itu, macam mana pak cik kenal dengan isteri pak cik?
7. Apa nama isteri pak cik?
8. Zaharah binti Nor. Asal dari perlis?
9. Berapa bilangan anak - anak pak cik sekarang?
10. Pak cik sudah mempunyai cucu?
11. Cucu lima orang. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
12. Ok, boleh tak pak cik ceritakan tentang kehidupan pak cik sebelum, semasa, dan selepas menjadi tentera? Kehidupan dengan anak-anak macam mana, macam tu [seperti itu]?
13. Kuching ya?
14. Oh, pak cik pernah bekerja di luar daripada Malaysia?
15. Ia memang ditetapkan setiap minggu?
16. Satu Malaysia pak cik duduk?
17. Sekarang pak cik cuma duduk dengan isteri pak cik kat sini?
18. Adakah anak pak cik di Kuala Lumpur masih belajar?
19. Adakah daripada kecil lagi pak cik bercita-cita untuk join tentera ni?
20. Boleh tak pak cik ceritakan kenangan-kenangan ketika pak cik bersekolah di sekolah rendah? Macam pak cik cakap, pak cik nampak tentera? Kenangan-kenangan yang pak cik ingat- pasal kejadian apa ke?
21. Sebelum menjadi tentera pak cik kerja sebagai apa?
22. Kerani, oh- berapa lama agak-agak?
23. Macam mana? Lapan belas sampai dua puluh satu boleh jadi tentera?
24. Ada tak inspirasi- sapa-sapa ke macam seorang yang menjadi idola supaya pak cik menjadi tentera?
25. Kira nak jumpa dengan kawan pak cik?
26. Apa nama dia tadi? Royal Signal?

27. Apa, masa tu ibu bapa pak cik macam benarkan ke memang dia ada sedikit-
28. Sepanjang pak cik bekerja, gaji yang paling banyak pak cik pernah dapat?
29. Sekarang pak cik boleh ceritakan,macam mana pak cik bermula dalam tentera? Pada tahun berapa pak cik mula berkhidmat dalam tentera?
30. Di mana pak cik menjalani latihan awal ketenteraan?
31. Kuala Lumpur- Kira pak cik di transfer dari Kuala Lumpur ke Kuching, Sarawak?
32. Apa corak latihan asas ketenteraan untuk unit semboyan ni?
33. Oh, dalam tentera pun ada mata pelajaran dia juga?
34. Selalunya, macam dia ayat-ayat panjang atau setakat ayat-ayat alert?
35. Selalunya latihan untuk trace kod ni,ataupun yang sender dia. Berapa lama latihan tu? Lama tak?
36. Boleh pak cik ceritakan pengalaman pak cik semasa menjalani latihan ni?
37. Oh, kira pak cik belajar daripada diorang mereka ke macam mana?
38. Ada tak rakan-rakan pak cik yang gagal?
39. Selalunya diorang bagi denda terus ke macam mana?
40. Pada ketika itu, gaji pak cik?
41. Macam mana pak cik rasa diterima untuk menjadi anggota tentera?
42. Memang pak cik ada kawan-kawan daripada mula sampai habis tentera?
43. Ada tak gelaran masa yang diberikan oleh rakan-rakan pak cik di kem tentera?
44. Oh, apa peristiwa yang membolehkan pak cik dapat gelaran itu?
45. Peristiwa kena ambush sebab nama tu ? Pada pendapat pak cik, apa cabaran yang pak cik rasa susah semasa penglibatan dalam tentera?
46. Semasa perjalanan tu ada, ramai ke macam
47. Sniper?
48. Pak cik ingat lagi tak tahun-tahun pak cik dinaikkan pangkat?
49. Sarjan pangkat last pak cik?
50. Pak cik menamatkan pekerjaan sebagai anggota tentera ni pada tahun berapa?
51. Boleh tak Pakcik cerita kenangan pahit atau kenangan manis sepanjang Pakcik bekerja sebagai tentera ni yang Pakcik ingat?
52. Pak Cik ingat lagi peristiwa yang memberi impak dalam kehidupan Pak Cik seperti peristiwa semasa kena ambush?
53. Maknanya, itu peristiwa last yang Pak Cik paling ingat?

54. Semasa kejadian tu berlaku Pak cik, ada tak orang awam yang terlibat dalam kejadian tersebut?
55. Bermakna, Pak Cik jangka mereka ada terlibat juga dalam kejadian ini?
56. Adakah peralatan ketenteraan Pak Cik cukup kena ambush itu?
57. Bagaimana dengan penempatan sebelum dan selepas kena ambush? Pak Cik tinggal di mana?
58. Agak-agak Pakcik, Pak Cik tahu tak apa punca ambush. Kalau punca biasa memang orang ni mereka nak serang atau pun ada orang beritahu atau bagaimana?
59. Jadi tentera yang kena ambush itu ada yang meninggal dunia?
60. Berapa ramai keseluruhan?
61. Senjata yang digunakan antaranya Mark 4?
62. Maknanya selepas kejadian itu ada tak orang-orang Iban tolong pak cik dari segi ubat-ubtan dan pakaian atau macam mana?
63. Berapa lama pertempuran berlaku?
64. Mayat-mayat komunis pun dibawa juga?
65. Selepas kejadian serang hendap, pakcik ada hubungi keluarga?
66. Apakah impak yang memberi kesan kepada pak cik selepas kena ambush?
67. Semasa latihan adakah ada simulasi sepertiini?
68. Selepas habis menjalani operasi tu , pak cik ada dapat pengiktirafan tak?
69. Adakah pak cik masih berhubung dengan rakan-rakan sekerja selepas bersara daripada menjadi tentera?
70. Apa peranan persatuan ni?
71. Adakah pakcik rasa semangat ketenteraan tu masih terpahat dalam diri?
72. Ini satu soalan tentang pencerohan di Lahad Datu. Apa yg pakcik boleh katakan tentang peristiwa pencerohan tu?
73. Bagaimana dengan jenayah yang semakin senang seperti kes tembak-menembak sekarang. Apa pendapat pak cik sebagai seorang bekas tentera?
74. Pada pendapat pakcik, kenapa kaum Cina dan India kurang berminat dalam bidang ketenteraan?
75. Apakah saranan pakcik kepada generasi muda supaya berminat untuk menyertai tentera?

76. Kalau macam tu pak cik terima kasih. Alhamdulillah selesai sudah wawancara kita apada hari ini. Saya Muhammad Lutfi dan Mohd Nizar mengucapkan jutaan terima kasih kepada pak cik kerana sudi bekerjasama dengan kami dalam menyiapkan tugas ni. Terima kasih dan Assalamualaikum.

LOG TEMURAMAH

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
	Bahagian A	
00:55	<p>Menceritakan perihal latar belakang diri Pak Cik Ahmad</p> <p>Menceritakan zaman persekolahan (Sekolah Rendah dan Menengah)</p>	<p>Profil Pak Cik Ahmad</p> <p>Bersekolah di Special Malay Classes One, Two.</p> <p>Bersekolah di Sekolah Menengah Pulau Nyior</p> <p>Bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jenan, Jitra</p>
03:20	<p>Mengenai latar belakang keluarga</p> <p>Mengenai pekerjaan awal</p>	<p>Profil isteri</p> <p>Profil anak-anak dan cucu</p> <p>Kehidupan bersama keluarga</p> <p>Pekerjaan awal sebagai auditor Singer</p>
11:35	<p>Kenangan semasa di zaman persekolahan</p> <p>Cita-cita untuk menjadi tentera</p>	<p>Kenangan manis bersama rakan-rakan di sekolah</p> <p>Bercita-cita untuk menjadi tentera sejak kecil lagi</p>
14:33	<p>Mengenai pekerjaan semasa</p> <p>Menerangkan sedikit sebanyak</p>	<p>Berkerja sebagai kerani</p> <p>Pak Nan inspirasi kepada Pak</p>

	tentang tentera dan inspirasi	Cik Ahmad
	Bahagian B	
22:19	Permulaan sebagai seorang tentera	Pengalaman Pak Cik Ahmad sebagai seorang tentera di Unit Semboyan
28: 15	Latihan seorang tentera	Latihan yang sangat mencabar bagi Pak Cik Ahmad sepanjang latihan menjadi tentera.
36:22	Gelaran “Mat Double” diberikan	Mat Double hidup dua kali
36:56	Cabaran dalam tentera Perjalanan dari Perlis ke Johor	Latihan Gonzalis pertama Bertolak bersama Cina penyakit gila babi.
	Bahagian C	
46:53	Operasi Kekawasan Bermula	Menetap di Sibu dan Pak Cik Ahmad menjalani Operasi bersama Renjer
49:32	Tarikh keramat serangan hendap	Serangan hendap pada 21 Januari 1971 Terkena tembakan pada

		muka
1:00:25	Bantuan diterima daripada Markas Teknikal	Satu Platun daripada Markas Teknikal datang untuk mengecam semua mayat komunis untuk di bawa pulang
1:15:00	Sedikit kekecewaan	Tidak dihargai dan merasa kecewa dengan tindakan kerajaan memberi pingat kepada orang yang tiada hak

INDEKS

INDEKS

A

Al-Quran, 8
ambush, 12, 23, 27, 28, 29, 38, 39, 40, 43
Armor, 10, 48
askar, 10, 26, 27, 29, 39, 43, 47, 48
attach, 17, 26, 29
audit, 6

G

gaji, 13, 14, 21, 48
GPE, 10
Helikopter, 30

B

Batalion, 27, 29
Bridged, 38, 43
Bridget, 15
Briged, 27
Broadcast, 25

I

IJN, 45
instructor, 19
interview, 10, 13, 30

C

Cheat, 17
CO, 29, 39, 43
Communication Center, 14, 26

kapal terbang, 8, 29, 37, 41
kastam, 13, 48
kawad, 25, 49
keturunan, 46
kod, 16, 17, 18
komunis, 30, 37, 39, 41, 42

E

EMM, 16
Engineering, 10, 48

Koperal, 25, 27, 46
korek, 23
kursus, 5, 14, 16, 20, 21, 25

F

felda, 2, 13
fizikal, 10, 23

L

lumpur, 8

M

- Renjer, 29, 38, 42, 43
Royal Signal, 12
management, 6
Mark 4, 40, 41
Markas, 27, 30, 38
MCE, 1
mental, 23
MilDef, 14, 17
MINDEF, 36, 38
modified, 29
MOS, 16
- Santiban, 48
Semboyan, 10, 12, 17, 20, 43, 44, 48
Singer, 5, 6
Stungun, 41
surveillance, 49
Surveillance, 20

O

- operasi, 17, 29, 43
operator, 22, 30
Oscar, 30

T

- Tajwid, 8
technician, 20
Teleprinter, 25
Tembak, 12, 14, 15, 39

P

- Padang, 12, 14, 15, 47
pemilihan, 10, 20
pencen, 7, 27, 36, 43, 49
penyakit, 7, 23
Persatuan, 44
pertumbuhan, 45
Platun, 17

U

- UiTM*, 7
ujian, 10, 20
Ulu Katibas, 15, 29
UNISEL, 7

R

- rank, 30, 48
REBRO, 26
Rekruit, 10
renjer, 15, 17

- universiti, 45, 46

V

- veteran, 45
VHF, 26

W

workshop, 10

RUJUKAN

Rejimen Semboyan DiRaja. (n.d.). - *Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*.
Retrieved December 10, 2013, from
http://ms.wikipedia.org/wiki/Rejimen_Semboyan_DiRaja

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

(Ahmad B. SAFFEE)
Pengisah

Hj Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Pengurusan Maklumat,
Sains Pentadbiran & Pengajian
Polisi Dan Pengajian
Undang-Undang UiTM
Cawangan Kelantan.



Gambar 1: Penghargaan kepada Encik Ahmad bin Safiee



Gambar 2: Gambar kenangan penemuduga bersama Encik Safiee selepas sesi temuramah